

**Jilid III
Bil. 38**



**Hari Isnin
2hb November, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4779]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 4812]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 4812]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.C.M. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.P.M., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD. A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera).

- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 2hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN KETUA-KETUA
NEGARA KOMANWEL
DI AUSTRALIA**

1. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak hadir sidang ketua-ketua negara Komanwel di Australia baru-baru ini dan sama ada beliau sedar tentang ura-ura yang Malaysia akan menarik diri dari Komanwel.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan mengapa saya tidak hadir di Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Australia baru-baru ini, jawapannya telahpun diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa menjawab soalan yang ke 17 daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 15-10-1981 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya saya tidak sedar tentang adanya ura-ura yang Malaysia akan menarik diri dari Komanwel.

**RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DI KENINGAU**

2. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak penubuhan

Perbendaharaan Persekutuan di Keningau, salah satu dari masalah utama yang dihadapi oleh kakitangannya ialah rumah kediaman. Kebanyakan daripada mereka menduduki rumah-rumah Kerajaan Negeri sekarang dan oleh kerana kakitangan Kerajaan Negeri juga sangat-sangat memerlukan tempat tinggal, mereka akan memerlukan kesemua rumah-rumah yang telah diuntukkan kepada kakitangan Perbendaharaan Persekutuan secara sementara itu. Sama ada Kerajaan akan menyiasat perkara yang mesti disegerakan ini dan mengadakan peruntukan dalam anggarannya untuk tahun 1982 bagi pembinaan rumah-rumah bagi Perbendaharaan Persekutuan di Keningau.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kesulitan tempat penginapan bukan sahaja di Keningau tetapi juga di seluruh negeri Sabah bagi pegawai-pegawai yang ditukarkan dari Semenanjung. Walaupun jabatan-jabatan persekutuan di sana tidak mempunyai peruntukan untuk menyediakan kemudahan rumah penginapan kakitangan di tempat bertugas, namun semua pegawai-pegawai dari Semenanjung ada diberi elaun sewa. Rancangan untuk pembinaan rumah-rumah Kerajaan Persekutuan di seluruh Sabah adalah dalam bidang kuasa Setiausaha Persekutuan, Sabah. Bagi Keningau, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, satu blok flat (8 unit) bagi pegawai Bahagian III telah diperuntukkan untuk didirikan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, 2 blok flat lagi akan dibina, iaitu, satu Blok Flat (6 unit) bagi pegawai Bahagian II dan satu Blok Flat (8 unit) bagi pegawai Bahagian III. Dengan adanya bangunan-bangunan tersebut kelak, maka pegawai-pegawai Persekutuan yang kini menduduki rumah Kerajaan Negeri di Keningau itu akan dapat ditempatkan.

**PERUNTUKAN PROJEK KECIL
DI KAWASAN PILIHANRAYA
PARLIMEN/NEGERI**

3. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar peruntukan wang untuk Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undang Negeri Barisan Nasional untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan masing-masing adalah tidak adil sama sekali, dan sama ada mulai tahun hadapan, semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undang Negeri tanpa mengira parti berhak menerima peruntukan yang sama untuk melaksanakan projek-projek kecil di kawasan mereka masing-masing.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan wang kepada mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undang Negeri untuk melaksanakan projek-projek kecil.

Bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan Ahli-ahli Parlimen berkenaan hanya mengemukakan cadangan-cadangan bagi kawasan masing-masing untuk pertimbangan Kerajaan. Mana-mana cadangan yang difikirkan dapat memberi faedah kepada rakyat akan ditimbang oleh Kerajaan.

Peruntukan untuk projek-projek ini adalah diberi kepada Pegawai-pegawai Daerah yang berkenaan melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, bagi kawasan-kawasan dalam jagaan Kementerian itu.

Dengan itu soal sama ada peruntukan itu diberi secara adil atau tidak, tidaklah berbangkit.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata Kerajaan tidak ada wang peruntukan kepada Ahli-ahli dari Barisan Nasional dan saya hendak bertanya di sini kalau seorang Ahli Parlimen dari Parti Pembangkang mengemukakan cadangan-cadangan atau rancangan-rancangan kepada pihak yang berkenaan bolehkah rancangan-rancangan dan cadangan-cadangan itu diterima dan dilaksanakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan itu boleh ditimbang. Sama ada ianya akan dilaksanakan, itu bergantunglah kepada Kerajaan memikir tentang perlu atau tidaknya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana wang dalam perkara ini sudah ditambah baru-baru ini daripada \$100,000 kepada \$200,000 dan peruntukan ini merupakan one line vote kepada Jabatan Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan pilihanraya masing-masing, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjamin bahawa untuk setiap kawasan pilihanraya tidak kira daripada yang dipegang oleh Barisan Nasional atau pihak Pembangkang bahawa peruntukan ini akan digunakan dalam kawasan itu untuk pembangunan kecil dan lain-lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, had maksima \$200,000 itu ialah sebagai panduan sahaja kepada Kerajaan kerana Kerajaan tidak boleh menimbang sebarang permohonan daripada Wakil-wakil Rakyat tanpa memberi satu-satu paras maksima projek yang boleh ditimbang.

Kalau Ahli Yang Berhormat ingin membuat cadangan, perkara ini boleh ditimbang dan sebenarnya biasa pun terjadi permohonan-permohonan dibuat oleh Ahli-ahli yang ditimbang oleh Kerajaan dan dilaksanakan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sebab peruntukan \$200,000 itu nampaknya berjalan dengan baik dan lancar, jadi tidak adakah Kerajaan bercadang hendak menambah lagi \$300,000 setahun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bila Kerajaan mempunyai wang yang mencukupi kita mungkin menambah.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjawab tadi adakah dasar Kerajaan Pusat itu bersamaan dengan dasar Kerajaan Negeri mengenai allocation oleh kerana di Johor ada peruntukan \$2 juta kepada Menteri Besar dan

Menteri Besar beri kuasa kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Johor dalam Barisan Nasional sahaja dan ini tidak sama dengan apa yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli Yang Berhormat seorang sahaja tak dapat.

Tuan Lee Kaw: Tidak dapat (*Ketawa*)—langsung tak dapat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan supaya Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan soalan ini di Dewan Undangan Negeri Johor.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa projek-projek kecil yang telah diberikan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan luar bandar, terutama sekali yang diwakili oleh Barisan Nasional iaitu parti yang mendukung Kerajaan telah meningkatkan lagi kepercayaan rakyat kepada Kerajaan. Jadi saya memandangkan bahawa peruntukan ini ataupun kewangan ini adalah untuk mempertingkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan, jadi saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau memikirkan bahawa kalau projek-projek ini juga diberikan kepada kawasan-kawasan ataupun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang maka ini dapat meningkatkan pula kepercayaan rakyat kepada Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah di dalam demokrasi Kerajaan yang dipilih mestilah membuat apa yang disukai oleh rakyat dan apa juga tindakan yang dibuat oleh Kerajaan bertujuan untuk meningkat lagi kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Kalau peruntukan ini diberi kepada ahli-ahli dari Parti Pembangkang, ini mungkin mengurangkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan. Oleh itu, sukarlah sedikit kerajaan untuk menimbangkannya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar

bahawa dalam tahun 1975, saya pernah menerima sepucuk surat dari pihak pegawai Kerajaan bahawa kawasan saya di Batu Gajah telah mendapat wang peruntukan itu dan selepas itu saya terima satu surat lagi mengatakan wang itu telah ditarik balik oleh kerana saya bukan ahli Barisan Nasional dan perkara ini menunjukkan pelaksanaan itu tidak adil. Dan kedua, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menggunakan wang ini untuk tabung derma membeli alat untuk wanita UMNO sahaja? Ini pelaksanaan yang sungguh tidak adil.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, biasa terjadi yang mana pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar-dasar Kerajaan tersilap faham tentang apa maksud sesuatu dasar Kerajaan dan mungkin mereka mengeluarkan surat itu kerana tersilap fahaman mereka dan sekarang ini fahaman itu telah dibetulkan dan tidak akan berlaku lagi dan Ahli Yang Berhormat tidak akan mendapat tawaran apa-apa (*Ketawa*) daripada Kerajaan. Tentang soalan cara perbelanjaan peruntukan ini, ini adalah untuk kebaikan rakyat dan kalau kita dapati bahawa sesuatu permintaan itu adalah untuk kebaikan rakyat kita akan menimbangkan tetapi tidaklah sebagai pemberian peribadi kepada sesiapa.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi nampaknya peruntukan itu diberikan kepada pegawai Kerajaan untuk kerja pembangunan di dalam Malaysia. Adakah dengan tidak memberikan peruntukan itu di dalam kawasan-kawasan yang mana seperti Petaling, Baling, Kota Star, dan Keluang tidak ada pembangunan langsung sehingga hari ini? Kalau ada, bukankah itu adilnya Kerajaan kita kepada rakyat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peruntukan yang diberi yang mana melibatkan kawasan-kawasan, malangnya di bawah jagaan Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang dan memanglah ini membuktikan keadilan yang sentiasa ada kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan D. David tidak hadir).

PINGAT SP/PGB—PENCEN KHAS KEPADA ASKAR

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak memberi pencen khas kepada mereka terutamanya perajurit-perajurit yang telah dikurniakan dengan pingat-pingat tertinggi seperti SP (Seri Pahlawan Gagah Perkasa) dan PGB (Panglima Gagah Berani) sebagai satu penghormatan atas jasa mereka dan galakan kepada perajurit-perajurit lain untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya berpendapat bahawa pemberian pingat-pingat seperti SP (Seri Pahlawan Gagah Perkasa) dan PGB (Panglima Gagah Berani) merupakan satu penghargaan tertinggi oleh Kerajaan terhadap jasa dan sifat keberanian yang telah ditunjukkan oleh perajurit tersebut di dalam mempertahankan negara dari ancaman musuh.

Jasa-jasa mereka itu tidak pernah kita lupakan, ganjaran yang diberikan kepada mereka dalam bentuk gaji, elaun-elaun dan juga faedah tamat perkhidmatan seperti yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah lain) 1981 yang baru diluluskan oleh Kerajaan buat masa ini adalah dianggap memuaskan.

Bagi seorang anggota tentera yang terkorban semasa menjalankan operasi, tanggungan mereka akan diberi pencen terbitan, pencen tanggungan dan ganjaran terbitan. Walhal sebelum kelulusan peraturan ini mereka hanya mendapat pencen terbitan dan ganjaran terbitan. Tambahan kepada faedah-faedah ini anak-anak mereka juga akan diberi elaun persekolahan.

Bagi seorang anggota tentera yang mengalami kecederaan yang membawa kepada hilang-upaya 100% akibat operasi

maka mereka boleh dibayar pencen hilang-upaya (disability pension), elaun bagi layanan sentiasa (constant attention allowance) dan elaun dalam masa rawatan di hospital. Anak-anak mereka juga akan dibayar elaun persekolahan. Faedah-faedah ini diberi sebagai tambahan kepada faedah pencen dan ganjaran atau faedah-faedah lain mengikut kelayakan mereka.

Malahan bagi anggota-anggota tentera yang meninggal dunia atau mendapat kecederaan semasa menjalankan operasi mereka boleh mendapat faedah berupa pembayaran wang saguhati dari Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara.

Walau bagaimanapun perkara pemberian pencen khas kepada mereka yang menerima pingat-pingat SP dan PGB masih dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana pemberian pingat-pingat ini bukan sahaja melibatkan anggota Angkatan Tentera tetapi juga anggota polis dan orang awam maka kajian yang teliti terhadap perkara ini sedang dijalankan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan perkara ini akan dikaji dan sedang dikaji. Soalan tambahan saya sama ada kajian itu nanti akan meliputi askar kita yang menerima kemalangan semasa mempertahankan negara ini melawan komunis yakni sebelum merdeka. Adakah ini juga akan dimasukkan?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan ini, jawapannya kita akan mengkaji perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

PERTUBUHAN KESAHABATAN

6. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa berapakah Pertubuhan Kesahabatan yang telah memohon bertukar sebagai Pertubuhan Politik semasa Akta-akta Pertubuhan 1966 diluluskan dalam Parlimen.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan

yang hampir sama telah pun dijawab dalam Dewan ini oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 16-10-81. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan terhadap jawapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali tidak hadir)

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa pembayaran tunggakan gaji hasil dari kesimpulan yang diperolehi dalam perjanjian baru bersama tersebut adalah tidak tertakluk kepada pemotongan K.W.S.P.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perubahan gaji yang dilaksanakan secara kebelakangan dari segi undang-undang tidaklah tertakluk kepada caruman-caruman KWSP oleh kerana sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Seksyen 2 Ordinan KWSP 1951 memperuntukkan bahawa majikan-majikan dikehendaki membuat caruman-caruman hanya di atas jumlah gaji bulan tersebut. Oleh kerana kenaikan-kenaikan gaji hasil dari perubahan gaji yang dilaksanakan secara kebelakangan bukan gaji yang layak dibayar kepada seseorang pekerja di dalam bulan tersebut, ianya tidaklah tertakluk kepada caruman-caruman KWSP.
- (ii) Mengikut Seksyen 7 dan 10 Ordinan KWSP 1951, seseorang majikan tidak boleh membuat potongan caruman daripada gaji yang masih belum layak dibayar kepada seseorang pekerja. Oleh itu apabila seseorang majikan telah membayar carumannya kepada KWSP menurut kadar yang telah ditetapkan ia tidak dikehendaki membuat caruman kebelakangan. Kenaikan-kenaikan gaji akibat daripada perubahan gaji yang dilaksanakan secara kebelakangan tidak boleh digunakan ke atas seorang

majikan untuk membayar caruman KWSP secara kebelakangan kerana ia telah pun menunaikan tanggungjawabnya seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 7 dan 10 Ordinan KWSP iaitu membuat caruman pada masa gaji yang layak diterima oleh seseorang pekerja pada bulan tersebut. Akhirnya, seseorang majikan tidak ada kuasa untuk membuat potongan secara kebelakangan di atas gaji yang telah dibayar. Oleh yang demikian, walaupun majikan-majikan adalah diwajibkan untuk membayar kenaikan-kenaikan gaji tunggakan mereka tidaklah diwajibkan dari segi undang-undang untuk membayar caruman-caruman KWSP di atas kenaikan gaji kebelakangan itu, kerana tanggungan KWSP tidak boleh diperbaharui dan dihidupkan kebelakangan sepertimana perubahan gaji yang mempunyai kesan kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 9 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI

10. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah kriteria yang dipakai dalam langkah membubarkan anak-anak Syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan dalam langkah menghapuskan hutang-hutang atau sejumlah hutang Perbadanan-perbadanan tersebut kepada negara. Adakah kajian telah dibuat secara bersungguh dan berhati-hati sebelum langkah itu diambil dan jika benar bolehkah kita menganggap bahawa perisytiharan membubarkan atau menghapuskan hutang yang telah dibuat Y.A.B. Perdana Menteri semasa lawatan rasmi kepada negeri-negeri tersebut hanya sebagai simbolik sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, sebagai

menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Setar tersebut, sukalah saya menerangkan secara ringkas peranan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan anak-anak syarikat masing-masing. Seperti yang telah ditegaskan berkali-kali di Dewan yang mulia ini tujuan utama PKEN-PKEN menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan perindustrian adalah untuk merintis jalan dan menjadi penggerak kepada penyertaan masyarakat bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian yang belum mereka ceburi. PKEN-PKEN di sini pemegang amanah dan apabila tiba masanya PKEN-PKEN akan menjual saham equity miliknya dalam anak-anak syarikat kepada bumiputera yang layak dan mampu.

Sebagai kegiatan yang bercorak commercial, kriteria-kriteria yang digunakan untuk mengesan prestasi anak-anak syarikat PKEN ini samalah seperti yang biasa digunakan oleh pihak sektor swasta. Yang Berhormat tersebut tentu sedia maklum dalam sektor swasta kriteria kewangan seperti untung-rugi (internal rate of return) atau kadar pulangan dalam kepada pelaburan yang digunakan untuk menentukan prestasi sesebuah syarikat.

Bagi syarikat yang mengalami kerugian yang didapati tidak mempunyai masa hadapan yang cerah adalah wajar ianya ditutup daripada dibiarkan mengalami kerugian berterusan yang akan membebankan lagi syarikat tersebut. Dalam beberapa kes yang tertentu beberapa anak syarikat PKEN menghadapi kegagalan disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan mereka, akibatnya beberapa anak syarikat berkenaan mengalami kerugian dan terpaksa ditutup dan ini menjadi bebanan kepada PKEN yang berkenaan.

Setelah diteliti dan dibuat kajian mendalam mengenai sebab-sebab dan meneliti setiap tindakan-tindakan yang ada terdapat keadaan di mana Kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk menghapus kira hutang-hutang Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam syarikat yang gagal tersebut. Ini adalah di antara lainnya untuk meringankan tanggungan hutang Kerajaan-kerajaan Negeri dan PKEN-PKEN yang berkenaan di samping membolehkan PKEN tersebut terus

melaksanakan kegiatannya yang lain dengan licin dan berkesan.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa tindakan Kerajaan yang telah diambil baru-baru ini jauh sekali sematamata sebagai simbolik sahaja. Kerajaan mengarahkan syarikat-syarikat berkenaan ditutup kerana didapati bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak mempunyai harapan lagi dan Kerajaan mengambil langkah berani tersebut daripada membiarkan kerugian yang berlanjutan. Tindakan seperti ini akan terus diambil ke atas projek-projek lain yang mengalami kedudukan serta masalah yang serupa sepertimana yang biasanya dilakukan oleh sesebuah syarikat sama ada di sektor swasta ataupun sektor awam yang menjalankan kegiatan bercorak commercial.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mungkin setuju bahawa salah satu tujuan utama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah untuk mengisi kekosongan dalam pembangunan sosio-ekonomi rakyat dalam bidang-bidang tertentu. Jadi dalam soal menggunakan takrif rugi kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, adakah pihak Kementerian talahpun memperhitungkan soal kesan baik cara langsung yang diperolehi oleh rakyat dari segi pembangunan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi perkara-perkara tersebut adalah termasuk di dalam tujuan PKEN-PKEN ditubuhkan, maka perkara-perkara seperti ini telah dan akan diambil pertimbangan.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masalah anak-anak syarikat PKEN ini telah diketahui umum terutama sekali rakyat, jadi saya ingin mendapat penjelasan apakah faktor-faktor penting yang menyebabkan anak-anak syarikat ini mendapat kerugian, sama ada salah pengurusan atau berlaku penyelewengan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor mengenai melibatkan

anak-anak syarikat ini perlu ditutup ataupun sekurang-kurangnya dinasihatkan supaya memperbaiki prestasi masing-masing, bukannya bergantung kepada satu dua perkara sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, sama ada faktor-faktor ini di dalam lingkungan kebolehan mereka itu sendiri iaitu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, ataupun kadang-kadang terdapat juga faktor-faktor di luar daripada kemampuan mereka. Misalnya, kadang-kadang masalah kajian selidik (utility study) ataupun masalah-masalah teknikal yang tidak di dalam kemampuan pihak pengurusan anak-anak syarikat hatta kepada PKEN-PKEN yang berkenaan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa langkah untuk menutup atau membubarkan sesebuah anak syarikat PKEN yang mengalami berbagai masalah sebagai langkah yang positif. Adakah Kementerian berkenaan akan melantik doktor kompeni sepertimana yang diamalkan di negara-negara yang maju di mana bila sebuah syarikat mengalami berbagai-bagai masalah hingga mahu bankrap, mereka akan melantik seorang doktor kompeni untuk menyelamatkan kompeni ini. Doktor kompeni yang saya maksudkan ialah orang yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu untuk mengubati sakit perniagaan seperti sakit PKEN ini.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, ada penyakit memerlukan doktor dan ada juga setengah-setengah syarikat memerlukan doktor, tetapi dalam masalah PKEN-PKEN ini saya dapati oleh sebab kita tidak memerlukan doktor, itulah sebabnya arahan-arahan yang disebutkan tadi telah dikeluarkan, dan kalaulah hendak dianggap sebagai doktor Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat dianggap sebagai doktor.

UNDANG-UNDANG MENCEGAH KEKOTORAN

11. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa undang-undang mencegah kekotoran dan

membuang sampah merata-rata bandar, terutamanya di bandar-bandar besar tidak selaras dan tidak sama; sebagai contohnya kesalahan membuang sampah di Petaling Jaya dendanya ialah \$500 sahaja, tetapi kesalahan yang sama di Alor Setar dendanya ialah \$2,000. Mengapa perkara ini boleh berlaku demikian dan mengapa pula kuatkuasa undang-undang tersebut tidak kerap digunakan yang menyebabkan banyak bandar-bandar dalam negara kita kotor dengan sampah sarap.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan V. Govindaraj): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar Undang-undang Mencegah Kekotoran dan Pembuangan Sampah-sarap adalah berbeza-beza di antara satu Majlis Daerah dengan satu Majlis Daerah dan antara satu Majlis Perbandaraan dengan Majlis Bandaran yang lain. Keadaan ini berlaku kerana Akta Kerajaan Tempatan memberi kuasa kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan termasuklah Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Alor Setar bagi mengadakan undang-undang kecil dan peraturan-peraturan berhubung dengan pencegahan kekotoran di Majlis-majlis yang tersebut. Adalah tidak benar yang mengatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang tersebut tidak semua digunakan sebaliknya undang-undang itu dikuatkuasakan dan digunakan sepenuhnya di kedua-dua Majlis Bandaran Petaling Jaya dan Alor Setar serta di lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan. Denda-denda dan kompaun telah dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah kuatkuasa undang-undang itu, hanya tidak disiarkan di akhbar-akhbar untuk pengetahuan umum.

Mengikut laporan bahawa 90% kes-kes berhubung dengan kesalahan mencegah kekotoran di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan telah dapat diselesaikan dan mereka yang bersalah telah membayar denda atau kompaun seperti yang ditetapkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya perhatikan sebab-sebab dan punca-punca utama berlaku kekotoran di dalam kawasan bandar ialah lori-lori angkut sampah kepunyaan Majlis-majlis Perbandaran itu sendiri yang mencicirkan

sampah-sarap apabila dia lalu di atas jalan raya. Jadi adakah langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan menangkap lori-lori kepunyaan Majlis-majlis Perbandaran ini sesuai dengan peruntukan undang-undang yang ada ini?

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, kuasa adalah di tangan Penguasa-penguasa Tempatan, bukanlah dengan Kementerian saya. Walau bagaimanapun Kementerian saya bolehlah beri nasihat kepada Penguasa-penguasa Tempatan dalam perkara ini.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi kita boleh dapat tahu bahawa bandar Alor Setar lebih kotor daripada bandar Petaling Jaya sebab itulah denda di sana lebih, di sini kurang. Kalaulah benar bandar Alor Setar itu lebih kotor daripada Petaling Jaya, boleh atau tidak Kementerian yang mana bertanggungjawab Setiausaha Parlimen juga; beri duit lebih supaya bandar Alor Setar lebih bersih, sama dengan Petaling Jaya?

Tuan Yang di-Pertua: Soal beri duit lebih itu di luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu adakah Kementerian ini kekurangan tenaga atau kakitangan Bahagian Pelaksanaan kerana saya lihat masih banyak orang buang sampah dalam Bandaraya ini sesuka hati dan tidak diambil tindakan?

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya katakan tadi itu adalah kuasa Penguasa Tempatan, bukan Kementerian saya.

PENYELEWENGAN/MALPRATIK DALAM PERUMAHAN—ADUAN

12. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa sejak tahun 1978 hingga 1981 ini, berapakah aduan telah diterima daripada orang ramai dan pembeli rumah tentang penyelewengan dan malpratik dalam perusahaan perumahan, khasnya dalam jual-beli dan syarat-syarat perjanjiannya berapa orang pemaju telah dihadapkan ke mahkamah

dan dilaporkan kepada BSN, dan bilakah perjanjian yang didrafkan ini akan diedarkan untuk penggunaan orang ramai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima 2,700 aduan semenjak tahun 1977 dan lebih kurang 1,800 dari aduan tersebut telah dapat diselesaikan. Soalan Ahli Yang Berhormat ini sebagaimana soalan-soalan yang kerap kali dibangkitkan tidaklah begitu jelas dan tepat terutamanya mengenai apa yang dikatakan pelanggaran undang-undang dan penyelewengan. Nampaknya perkara ini timbul mungkin dari salah faham tentang dua perkara yang berlainan, iaitu:

- (a) Pertikaian-pertikaian di antara pemaju-pemaju perumahan dan pembeli di atas obligasi kontrak yang seharusnya diselesaikan di mahkamah melalui tindakan sivil terhadap pemaju yang boleh diambil oleh pihak pembeli.
- (b) Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedahnya dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang mana ini memerlukan tindakan undang-undang secara langsung diambil terhadap mereka oleh Kementerian saya.

Pihak pengawasan dan penguatkuasa di Kementerian saya menjalankan dua tugas yang berlainan dari segi pendekatan dan kuasa yang diberikan kepadanya, iaitu:

- (a) Menjalankan siasatan ke atas syarikat-syarikat pemaju perumahan yang telah melanggar Akta dan kaedah-kaedah pemaju perumahan supaya mereka dapat dihadapkan ke mahkamah; dan
- (b) Menjalankan siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima dari pembeli-pembeli rumah.

Jika soalan Yang Berhormat ini ditujukan mengenai kesalahan pemaju perumahan yang menjalankan urusan mereka tanpa lesen, jawapan mengenai perkara yang tersebut talahpun saya berikan semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 20hb Oktober yang lalu dan saya

tidak ada cadangan untuk menambah jawapan yang tersebut.

Mengenai dengan perjanjian jual beli yang seragam, Kementerian saya memerlukan masa untuk mengkaji draf yang tersebut bagi memastikan supaya hak-hak dan kepentingan pembeli-pembeli rumah lebih terjamin dan jika perlu Kementerian saya akan menimbangkan bagi melaksanakannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sungguhpun draf perjanjian jual-beli yang standard telah disediakan pada bulan Ogos tahun 1980 kalau tidak silap saya, mengapa hendak menunggu begitu lama untuk melaksanakannya sungguhpun Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan telahpun memberi sokongan kepada perjanjian jual-beli yang standard itu?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi untuk menentukan bahawa perjanjian jual-beli yang seragam ini benar-benar akan memberikan faedah kepada pembeli-pembeli rumah untuk melindungi mereka maka sebab itu kajian yang teliti patut dijalankan dan di samping itu undang-undang yang ada sekarang ini tidaklah begitu memberi peluang yang besar sangat kepada pemaju-pemaju untuk hendak memberikan tekanan dan sebagainya kepada pembeli-pembeli.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar ada satu loophole atau kelemahan yang sangat besar dalam Akta atau dari segi penguatkuasaan undang-undang yang ada sekarang iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan nampaknya tidak memperuntukkan satu langkah yang dianggap preventive atau perlindungan untuk memperlindungi orang ramai yang membeli rumah daripada pemaju-pemaju swasta. Umpamanya, di negeri Melaka satu projek perumahan yang bernama Fairview Garden yang mana pemaju swasta ini telah melarikan diri walaupun 70% wang telah dibayar yang melibatkan begitu ramainya kakitangan Kerajaan dan orang ramai. Kalau Yang Berhormat sedar, apakah tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk meminda Akta yang berkenaan supaya pemaju-pemaju

swasta yang berlesen ini akan bertanggungjawab untuk menyempurnakan projek mereka, jangan sampai di tengah jalan mereka melarikan diri?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan Yang Berhormat itu telahpun berkali-kali dijawab pada masa yang lalu dan sekiranya pemaju itu lari takkan Kementerian saya hendak mengejanya. Walaupun demikian setiap pemaju yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen, kita mengenakan syarat-syarat yang tertentu termasuklah wang deposit dan sebagainya yang mana daripada wang ini akan dapat menentukan untuk pembayaran gantirugi dan sebagainya. Demikian juga kalau mereka lari mereka tidak boleh bawa lari rumah-rumah yang telah dibina itu, rumah itu dalam pengawasan Kementerian juga yang mana tindakan-tindakan boleh dijalankan untuk melindungi kepentingan pembeli-pembeli yang telah membayar sebahagian daripada wang rumah itu sama ada wang deposit atau sebagainya.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada Menteriannya benar-benar hendak mengadakan perjanjian seragam yang boleh digunakan untuk semua projek perumahan ataupun adakah maksudnya bahawa Menteriannya bercadang mengadakan standard clauses kepada semua surat perjanjian seperti yang dibuat sekarang ini? Saya minta penjelasan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kementerian memang benar-benar akan mewujudkan perjanjian jual beli yang seragam yang mana bila sampai masanya akan kita laksanakan untuk kepentingan pembeli-pembeli sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa pertikaian perumahan ini berlaku di antara pemaju dan pembeli dan obligasinya ialah dengan membawa kes itu kepada civil suit. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah peranan Kementerian beliau untuk mengelakkan hal civil suit itu yang bukan senang dibuat oleh pembeli yang biasanya tidak tahu dalam hal ini dan adakah Kementerian ada mempunyai

pandangan yang positif supaya hal-hal seumpama ini dapat dielakkan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelakkan perkara ini. Selain daripada syarat-syarat yang ketat digunakan kepada mereka yang hendak diberikan lesen Pihak berkuasa Tempatan juga mengambil peranan untuk mengawasi masalah ini dan Kementerian saya telahpun mengeluarkan satu buku kecil di mana petunjuk-petunjuk untuk rakyat hendak mendapatkan membeli rumah untuk mengelakkan daripada tekanan atau menjadi mangsa setengah-setengah, sebahagian daripada pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab. Kementerian saya juga selalu mengatakan pada Dewan yang mulia ini pada semua rakyat yang hendak membeli rumah, jika ada tawaran daripada pemaju supaya jangan segera kita percaya; kalau kita rasa ragu-ragu sila berhubung sama ada terus kepada Kementerian, kepada Pihak berkuasa Tempatan atau pihak Polis supaya mengelakkan pihak pemaju yang sengaja hendak menanggung keuntungan daripada melakukan perkara ini kepada orang ramai.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan adakah pihak Kementerian telah memastikan bahawa semua surat perjanjian ini telah ditulis dalam Bahasa Malaysia atau masih macam lama lagi ada yang Bahasa Malaysia dan ada yang bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Untuk melindungi kepentingan orang ramai dan pembeli adakah Kementerian Perumahan bercadang untuk menaikkan amaun deposit yang perlu dibayar oleh pemaju swasta supaya kes umpamanya yang berlaku di negeri Melaka masih belum diselesaikan selama 3 tahun iaitu pemaju swasta yang berlesen sudah melarikan diri ke oversea dan sebagaimana kes ini hendak diselesaikan dan mengikut Akta yang berkenaan tidak boleh diambil apa-apa tindakan.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengatakan tadi beberapa perkara yang boleh diambil

tindakan walaupun pemaju itu telah melarikan diri ke Eropah dan sebagainya kerana perumahan yang sudah dibangunkan masih ada di Melaka yang wang deposit saya percaya masih lagi dalam simpanan. Saya harap Yang Berhormat dapat kiranya perkara ini diberi secara lebih detail kepada Kementerian saya untuk diambil tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Seow Hun Khim. Soalan ini akan dikemukakan pada akhir waktu sudah selesai sekiranya ada waktu.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir)

PERTUMBUHAN EKONOMI AKIBAT KENAIKAN HARGA BARANG

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan atas ekonomi dan usaha pembangunan akibat kenaikan harga barang-barang keperluan yang melambung tinggi, disel, petrol dan bahan-bahan binaan serta langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kenaikan harga barang-barang tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya tambahan dalam harga petroleum dan barang-barang lain membawa kepada pengurangan dalam jumlah permintaan dalam negeri dan dengan itu akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Kesan-kesan ini adalah melalui:

- (1) Harga import yang lebih tinggi bagi alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan.
- (2) Nisbah harga eksport/import yang merugikan.
- (3) Kenaikan dalam keseluruhan harga import seperti yang ditunjukkan oleh angka tunjuk harga import.

Semua ini memberi kesan yang kurang baik kepada usaha-usaha pembangunan negara. Walau bagaimanapun, dengan dasar-dasar kewangan fizikal dan pentadbiran yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita telah dapat mengurangkan sedikit sebanyak kesan-kesan yang kurang baik ini ke atas pembangunan ekonomi negara ini.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah berbagai bentuk subsidi berjumlah sebanyak \$1,045 juta dalam tahun 1980 dan \$1,400 juta dalam tahun 1981. Bagi tahun 1982 Kerajaan telah memperuntukkan bantuan subsidi sebanyak \$1.3 ribu juta di mana subsidi bagi barang-barang petroliaam berjumlah sebanyak \$750 juta sementara baki subsidi input pertanian yang termasuk racun serangga berjumlah sebanyak \$130 juta. Tambahan yang besar sebanyak \$77 juta adalah diberikan dalam bentuk skim bantuan subsidi padi kepada petani-petani. Di samping itu seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah mengumumkan dalam ucapan Belanjawan 1982 pengurangan duti import, cukai tokok, cukai jualan dan cukai eksais terhadap begitu banyak jenis barang sebagai langkah untuk membendung inflasi.

Kerajaan akan terus mengawasi perkembangan-perkembangan harga dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengurangkan kesan tekanan-tekanan harga terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin.

AKTA LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

15. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak meminda Akta LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) supaya membolehkan LPN bertanggungjawab membeli padi di pusat-pusat pembelian padi bukan hanya di pintu gudang sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pembelian padi oleh LPN dibuat di tiga peringkat iaitu:

- (a) di pintu yakni kompleks LPN;
- (b) di pusat-pusat belian yang diwujudkan oleh LPN melalui lantikan agen;
- (c) di sawah-sawah di mana pembelian padi dilakukan oleh kakitangan LPN sendiri.

Di pusat-pusat belian yang tidak diwujudkan oleh LPN seperti kilang-kilang swasta LPN tidak bertanggungjawab membeli

padi. Walau bagaimanapun, LPN ada menempatkan kerani-kerani subsidi di pusat-pusat belian tersebut untuk mengeluarkan dan membayar tunai kupon subsidi. Pada masa ini terdapat sebanyak 3,891 pembeli padi berlesen iaitu 23 pembeli padi berlesen yang dilantik menjadi agen LPN, 1,609 pembeli padi berlesen yang menjualkan padi ke kilang dan 259 pembeli padi berlesen yang mengilang padi sendiri. Pembeli-pembeli padi berlesen dan pusat-pusat belian adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dan peraturan-peraturan di bawahnya iaitu Peraturan-peraturan LPN (Melesen Pembelian-pembelian Padi) 1971 dan Perintah Beras (Kawalan Pembelian Padi) 1974.

Bagi mempergiatkan lagi usaha membantu petani-petani di kawasan padi yang terencil memasarkan padi mereka LPN telah diarahkan mengkaji kemungkinan untuk mendirikan kilang-kilang kecil yang berkeupayaan mengisar satu tan satu jam di kawasan-kawasan tersebut. Sistem pemasaran padi sekarang berjalan dengan licin dan baik. Oleh itu LPN tidak bercadang untuk bertanggungjawab ke atas pembelian padi di pusat-pusat belian yang tidak diwujudkan oleh LPN.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini sedar bahawa padi-padi yang dibeli oleh agen LPN di pusat-pusat ajen ini telah diiktiraf oleh LPN menjadi padinya kerana wakil LPN ada bertugas memeriksa padi yang dibeli itu. Tetapi bagi mengangkut padi ini daripada pusat belian wakil LPN ini ke gudang LPN ialah ditanggung oleh petani yang mana harga padi petani terpaksa dipotong kerana kos pengangkutan daripada pusat belian agen LPN ke gudang LPN. Adakah ini disedari ataupun tidak.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini memang disedari dan lantaran harga-harga padi yang ditetapkan oleh LPN ialah di pintu-pintu kilang LPN maka itulah sebabnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berlakunya demikian.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Soalan tambahan. Apabila disedari bahawa benar harga padi petani terpaksa dipotong kerana mengangkut padi hak LPN. Oleh itu adakah Kementerian ini bercadang hendak meminda ataupun mengkaji semula undang-undang ini untuk membolehkan LPN bertanggungjawab sendiri mengangkut padinya yang dibeli di Pusat Ajen LPN ke gudang LPN ini agar dia tidak mengelirukan pesawah-pesawah kita yang bertanggungjawab mengangkut padi LPN itu.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan kita ini adalah berdasarkan kepada sokongan rakyat dan setiap rungutan atau rintihan rakyat perlu dihadapi, pihak Kementerian saya atau LPN akan menimbangkan perkara ini dan sekiranya didapati menasabah akan dibuat sesuatu yang sesuai kemudian.

PERATURAN-PERATURAN PERLU (PEMBERSIHAN SETINGGAN) 1969

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setingan) 1969 memandangkan bahawa peraturan-peraturan tersebut amatlah ketat dan diluluskan semasa Mageran dahulu; dan
- (b) Sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu undang-undang yang lebih berperikemanusiaan untuk mengendalikan masalah setingan dengan memastikan bahawa mereka akan diberikan pampasan yang mencukupi atau tempat tinggal baru sebelum pengusiran dijalankan sama ada mereka sekarang tinggal di atas tanah Kerajaan atau swasta.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setingan) 1969.

(b) Setingan merupakan salah satu dari masalah terbesar yang sedang dihadapi oleh ibu kota Kuala Lumpur. Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setingan) 1969 adalah bertujuan untuk mengawal pertumbuhan setingan di Wilayah Persekutuan yang kini sedang pesat membangun. Bagi setingan-setingan yang menduduki tanah-tanah Kerajaan dan terlibat dengan projek-projek pembangunan serta perlu pula dipindahkan, mereka akan diperuntukkan tempat tinggal gantian, sama ada di rumah-rumah pangsa ataupun di rumah-rumah panjang yang disediakan. Bagi setingan-setingan yang tinggal di tanah-tanah kepunyaan persendirian atau swasta adalah menjadi tugas tuan punya tanah itu sendiri untuk menyelesaikannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri kata Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk memansuhkan Peraturan Perlu Pembersihan Setingan. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setingan) 1969 adalah diperkenalkan oleh Majlis Gerakan Negara iaitu pada masa darurat apabila Parlimen tidak bersidang. Dan memandangkan bahawa Parlimen itu sekarang ada bersidang dan kita telah kembali kepada demokrasi berparlimen adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang yang lebih sesuai untuk mengatasi masalah setingan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada pertanyaan tambahan ini sudah dijawab tadi mengatakan peraturan ini perlu dan tidak berhajat hendak membatalkannya. Adakah Yang Berhormat hendak memberi jawapan tambahan?

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tidak ada.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan perlunya Peraturan Pembersihan Setingan ini dikekalkan, saya ingin bertanya kepada beliau sebab-sebab mengapa keperluan mengekalkan Peraturan

Perlu itu dengan memberitahu Dewan ini bahawa adanya Peraturan ini telah membolehkan Kerajaan mengatasi masalah setinggan; berapakah peratus atau nisbah kejayaan yang telah dicapai di dalam membuat pembersihan setinggan dari segi unit dan dari segi mengatasi setinggan-setinggan yang ada di sekitar Ibu Kota.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kerana masalah setinggan ini adalah merupakan masalah yang sangat banyak di Wilayah Persekutuan ini yang masih sangat perlu diatasi maka itulah sebabnya undang-undang itu perlu dikekalkan.

Mengenai dengan bagaimana cara kita mengatasi masalah setinggan-setinggan ini adalah dengan mendirikan rumah-rumah pangsa dan juga rumah-rumah panjang sebagai menggantikan rumah mereka pada mereka yang terlibat di dalam projek-projek pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat itu di dalam Rancangan Malaysia Pertama, unit rumah yang telah diadakan oleh Dewan Bandaraya ialah 992 unit, Rancangan Malaysia Kedua, 2,065 unit, Rancangan Malaysia Ketiga 4,545 unit dan Rancangan Malaysia Keempat 7,817 unit.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu sebab utama di mana masalah setinggan ini kian rumit rata-rata adalah oleh sebab kelemahan yang terdapat di dalam Pejabat-pejabat Tanah dalam menyelesaikan masalah-masalah tanah khasnya dalam masalah permohonan tanah Kerajaan. Jadi adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperbaiki jentera Pejabat Tanah berkenaan.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan memproses permohonan tanah ianya sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan diperbaiki dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan ini kita tidak lagi ada mempunyai tanah yang banyak yang boleh diminta untuk dijadikan tempat-tempat perumahan.

Tuan Lee Lam Thye: Adakah Menteri sedar bahawa masalah setinggan telah muncul oleh kerana kekurangan rumah kos rendah di Kuala Lumpur untuk memenuhi kehendak mereka yang hendak membuat permohonan. Dan jika beliau sedar suka saya mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi satu arahan supaya pembinaan semua rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur akan dapat disegerakan supaya dapat mengatasi masalah setinggan.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, memang pun ada dalam rancangan kita untuk mempercepatkan proses mendirikan rumah-rumah murah ini. Dalam Rancangan Malaysia Keempat kita bercadang untuk membina 30,000 unit rumah murah bagi mengatasi sebahagian daripada masalah setinggan yang kita hadapi pada masa sekarang ini.

ORANG TAHANAN DI PUSAT- PUSAT TAHANAN

17. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang tahanan yang ditahan dalam Pusat-pusat Tahanan dalam negeri kita di bawah Akta Keselamatan dalam negeri.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, bilangannya ialah 513 orang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, 513 orang ini adakah terdapat di beberapa pusat tahanan dan bolehkah nyatakan berapa banyak bilangan yang ada di Kemunting dan di Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak berasing? Kerana soalan asalnya bilangan orang tahanan dalam pusat-pusat tahanan dalam negeri kita ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Barangkali Yang Amat Berhormat Menteri hendak menjawab.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada mereka ditempatkan di Taiping.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua tahu

orang-orang tahanan bukan sahaja ditahan di pusat-pusat tahanan tetapi ada juga ditahan di Balai Polis sehingga satu dua tahun. Oleh kerana itu saya hendak bertanya berapa bilangan orang tahanan ditahan di bawah ISA dan yang sekarang ini masih lagi ditahan di dalam lock-up Balai Polis itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini maksudnya orang-orang tahanan di bawah ISA tetapi di dalam Balai Polis?

Tuan Chian Heng Kai: Ya.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, di Balai Polis angkanya ialah 92 orang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu, daripada golongan manakah yang banyak dalam tahanan ini, adakah golongan yang menyokong ataupun yang selalu menentang Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini luar daripada soalan asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sama ada beliau bermaksud hendak menggunakan pusat-pusat tahanan ini untuk menempatkan orang-orang yang didapati sah menghasut rakyat berjihat menentang Kerajaan seperti yang kita dengar sejak akhir-akhir ini semakin bertambah ramai bilangan orang-orang ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, akta ini khusus diluluskan oleh Dewan yang mulia ini untuk menjaga keselamatan negara pada keseluruhannya. Tiap-tiap satu kes berasas kepada pertimbangan sama ada sesuatu kejadian itu mengancam keselamatan negara dan walau apapun dibuat oleh sesiapa pun dari golongan mana pun, kalau didapati ianya mengancam keselamatan negara dengan apa juga tindak tanduk mereka, akta ini akan dipertimbangkan untuk digunakan di mana difikirkan perlu.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa baharu-baharu ini

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun membebaskan begitu banyak sekali tahanan-tahanan politik di negara kita ini dan ini telah mendapat sanjungan daripada dunia. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada proses seumpama ini akan dilaksanakan berterusan iaitu secara adil selagi keamanan dan kesejahteraan negara kita tidak terancam.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, proses pembebasan mengikut tahanan-tahanan di bawah akta ini dibuat semasa, tiap-tiap seorang yang ditahan, tiap-tiap 6 bulan sekali diberi peluang untuk membuat rayuan kepada Penal yang wujud mengikut akta ini dan kalau Penal itu berasa puas hati maka ianya akan membuat perakuan kepada Menteri dan terpulanglah kepada Kerajaan untuk menimbangkan sama ada kes yang dicadangkan itu benar-benar memerlukan ianya dipertahankan berterusan ataupun dilepaskan. Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan cuma melepaskan seseorang ataupun sekumpulan tahanan berasas kepada pertimbangan keselamatan dan keadaan dalam negeri. Walau macam mana pun, suka saya menyatakan bahawa sungguh pun Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan begitu ramai katanya telah dilepaskan, sebenarnya proses pelepasan ini berjalan sentiasa, cuma kadangkala tidak mendapat perhatian umum ataupun akhbar.

PROJEK KEDUA PENGANGKUTAN BANDAR KUALA LUMPUR

18. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tentang kedudukan sebenar "Second Kuala Lumpur Urban Transport Project" dari tujuan dan matlamatnya dan sejauh manakah ianya telah dilaksanakan memandangkan bahawa wang berjumlah \$1 juta telah pun diterima daripada Perbendaharaan untuk projek tersebut, bagaimanakah kedudukan wang itu sekarang dan berapakah harga sebenar projek yang dirancangkan itu.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tujuan Projek Kedua Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur

adalah untuk meninggikan kecekapan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur melalui pembaikan sistem pengangkutan awam sekarang; pengawalan terhadap penggunaan kereta-kereta pakai sendiri; pembinaan untuk melebarkan jalan-jalan penting dan membina jalan-jalan baru di tempat-tempat yang benar-benar memerlukannya.

Banyak perubahan telah berlaku dalam penggunaan bas untuk pengangkutan awam. Malah, sebanyak 141 buah bas telah ditambah dalam 8 buah syarikat bas yang sedang berjalan di Kuala Lumpur antara tahun 1979 sehingga bulan September 1981, menjadikan jumlah bas 21% lebih tinggi dari tahun 1979.

Berkaitan dengan penambahan tersebut, jumlah tempat duduk juga turut bertambah sebanyak 4,040 buah atau 25%, Manakala jumlah tempat berdiri bertambah sebanyak 3,120 buah atau 33%. Di antara komponen-komponen Projek tersebut ialah pembaikan dan pembinaan semula dua belas buah simpang jalan (intersections) penting dalam ibu kota telah pun disiapkan oleh Dewan Bandaraya manakala pembinaan Lingkaran Jalan Dalam telah hampir siap sebanyak 90% sekarang dan dijangka siap kesemua sekali dan dibuka untuk kegunaan orang ramai pada akhir tahun ini. Satu lagi komponen Projek iaitu Lingkaran Jalan Tengah Peringkat Satu yang sedang diselenggarakan oleh J.K.R. telah pun 88% siap dan dijangka siap kesemuanya pada bulan Julai, 1982.

Selain daripada komponen-komponen yang telah disebutkan Sekim Kawalan Lalulintas Kawasan yang juga sebahagian daripada Projek tersebut, adalah kira-kira 95% siap. Di bawah Skim ini, 63 buah simpang jalan yang mempunyai lampu isyarat dalam bandar ibukota adalah di bawah kawalan sistem komputer yang dipasang di pusat Kawalan Baru di bangunan baru Dewan Bandaraya, Jalan Raja Laut. Dengan adanya penggunaan sistem komputer ini, penyelarasan yang lebih baik terhadap lampu isyarat telah meliputi kawasan yang lebih luas dan penjagaan terhadapnya juga bertambah sempurna. Jumlah kos Projek Kedua Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur ialah \$180 juta, dan jumlah perbelanjaan setakat ini ialah \$167 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 7, 9, 13 dan 19 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

ADUAN/SUNGUTAN ORANG RAMAI—TINDAKAN

4. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau menimbangkan untuk melantik sebuah Jawatankuasa di dalam Parlimen di bawah konsep baru yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengambil tindakan yang sewajarnya di atas aduan/sungutan yang ditimbulkan di dalam Parlimen mengenai masalah orang ramai dan Jabatan Kerajaan.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebuah Jawatankuasa Parlimen bagi mengambil tindakan atas aduan-aduan dan sungutan yang ditimbulkan dalam Parlimen kerana semua aduan-aduan dan sungutan yang dibuat dalam mesyuarat Parlimen diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya, di mana yang berkenaan, oleh Kerajaan.

BULAN RAMADHAN DITENTU CARA HISAB

7. Tuan Haji Zaibidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menentukan hari pertama bulan Ramadhan tahun depan dengan cara hisab, dan jika ya, sama ada negara-negara Islam yang lain telah berbuat demikian.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Kerajaan tidak bercadang menentukan hari pertama bulan Ramadhan tahun hadapan dengan cara hisab.

KAD-KAD PENGENALAN DI SABAH— KELAMBATAN MEMPROSES

9. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) sebab-sebab berlakunya kelambatan memproses kad-kad pengenalan terutamanya di Sabah sehingga ada

pemohon-pemohon yang dapat dikeluarkan dalam tempoh bertahun-tahun lamanya, akibat daripada kelambatan ini ianya menyulitkan kepada pemohon-pemohon dalam mendapatkan sesuatu kemudahan seperti mencari pekerjaan dan juga semasa di tempat-tempat pemeriksaan Polis; dan

- (b) adakah perkara ini berlaku disebabkan kurangnya bilangan kakitangan di beberapa Jabatan Pendaftaran Negara, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya masalah ini dapat diperbaiki.

Dato' Musa Hitam:

- (a) masa yang diambil untuk memproses dan menyediakan kad-kad pengenalan adalah tidak lebih dari satu bulan bagi Semenanjung, enam bulan bagi Sabah, dan tiga bulan bagi Sarawak. Jika ada kelambatan yang berbangkit adalah disebabkan oleh butir-butir dalam borang permohonan termasuk gambar dan cap-cap jari perlu disemak secara perincian dan teliti dengan merujuk semula kepada pemohon-pemohon dan juga kandungan rekod-rekod yang lain, khususnya untuk menentukan taraf Kerakyatan pemohon-pemohon tersebut.
- (b) Pegawai dan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara adalah mencukupi dan Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan dari masa ke semasa.

JALAN KULIM—MEMPERLUASKAN

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan Kulim dan jambatan atas landasan keretapi di Jalan Kulim itu adalah terlalu sempit untuk kegunaan kenderaan, jika ya, bilakah jambatan dan jalan raya itu akan diperluaskan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudaham-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Jalan raya yang berkenaan itu ialah

Jalan raya Negeri dan oleh itu perkara ini sepatutnya hendaklah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa cadangan memperluaskan Jalan Kulim termasuk jambatan tersebut telah pun dipertimbangkan beberapa tahun yang lalu dan didapati bahawa projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana melibatkan banyak harta-harta persendirian dan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telahpun membina sebatang jalan lain iaitu "Bukit Mertajam Relief Road" termasuk jambatan atas landasan keretapi supaya menyuraikan masalah lalulintas di kawasan Jalan Kulim itu.

**BUKU "TETAMU KHAS (SPECIAL GUEST)" DAN "POLITICS IN A PLURAL SOCIETY"—
PENGHARAMAN**

19. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menarik balik pengharaman yang dikenakan ke atas dua buah buku mengenai Malaysia, yakni buku Aziz Ishak berjudul "Tetamu Khas (Special Guest)" dan buku R.K. Vasil berjudul "Politics In A Plural Society", jika tidak, beri sebab-sebab.

Dato' Musa Hitam: Setelah Kerajaan membuat penelitian yang sehalus-halusnya, maka Kerajaan telah pun membuat keputusan akan membatalkan pengharaman ke atas buku Aziz Ishak yang berjudul "Tamu Khas (Special Guest)". Walau bagaimanapun, buku R.K. Vasil berjudul "Politics In A Plural Society" masih lagi di dalam pertimbangan Kerajaan.

**SYARIKAT YANG MELANGGAR
AKTA SYARIKAT**

20. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementeriannya ke atas beberapa buah syarikat yang ditaja oleh pihak MCA yang mana beberapa kesalahan bertentangan dengan Akta Syarikat telah dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan nyatakan bilakah syarikat-syarikat tersebut akan didakwa dan nama syarikat-syarikat tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Pertanyaan ini adalah hampir sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 21hb Oktober, 1981 dan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 22hb Oktober, 1981 di mana saya telah pun memberi jawapannya. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan-jawapan itu.

HUTANG JABATAN TELEKOM— KUTIPAN SEMULA

21. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mendapatkan balik sejumlah wang bernilai \$113.9 juta yang terhutang kepada Jabatan Telekom pada 31hb Disember, 1977;
- (b) sebab kegagalan di pihak Kementerian untuk mendapat balik hutang besar ini; dan
- (c) jumlah wang yang telah dikumpul setakat ini dan bakinya yang perlu dibayar kepada Kerajaan sekarang.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat dari jumlah hutang sebanyak \$113.9 juta yang terhutang kepada Jabatan Telekom pada 31hb Disember, 1977, sukacita saya memaklumkan bahawa lebih kurang 95% atau sejumlah \$108.2 juta telah pun dikutip pada bulan Mac, 1978 oleh Jabatan Telekom.
- (b) Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga sebenarnya tiada kegagalan daripada pihak Kementerian saya untuk mendapatkan balik hutang besar itu memandangkan bahawa kebanyakan daripada jumlah hutang sebanyak \$113.9 juta itu adalah terdiri daripada bil-bil bulan November dan Disember, 1977 yang telah dikeluarkan yang mana hanya boleh dikutip pada bulan Januari dan Februari tahun berikutnya. Perlu saya memaklumkan di sini bahawa

proses pengutipan yang dilaksanakan oleh Jabatan Telekom biasanya mengambil masa lebih kurang 2 atau 3 bulan selepas bil-bil dikeluarkan berdasarkan di mana kutipan-kutipan itu dibuat.

- (c) Sehingga masa ini jumlah hutang-hutang yang terkumpul ialah lebih kurang \$236.8 juta pada 31hb Julai, 1981 dan hutang-hutang ini dijangka dapat dikutip pada masa yang telah ditetapkan mengikut proses pengutipan hasil Jabatan Telekom.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb Oktober, 1981).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang, sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,379 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (30hb Oktober, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini hari yang keempat membahaskan Rang Undang-undang ini dan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sembilan orang Ahli telah berucap termasuk Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang akan menyambung ucapannya pada hari ini. Saya belum menetapkan—menghadkan masa bercakap lagi kerana dalam senarai saya yang sudah berdiri hanya 12 orang Ahli yang telah saya catatkan di sini dan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebab itu saya belum menetapkan—hadkan masa. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mematuhi Peraturan Mesyuarat iaitu membincangkan atau membahaskan serta mengeluarkan pendapat dan fikiran terhadap dasar-dasar am, polisi dan pentadbiran Kerajaan sahaja, tidaklah sampai kepada bahasan-bahasan yang patut dibawa dalam masa perbincangan Jawatankuasa nanti. Perbincangan dalam Jawatankuasa akan diberi selama 16 hari untuk membahaskannya. Ini saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau menyambung ucapannya.

3.40 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa polisi Kerajaan kita mengenai pengeluaran padi ini ialah menghadkan pengeluarannya setakat 85% keperluan negara sahaja dan bakinya 15% itu kita import terutamanya dari negara jiran kita, iaitu Thailand pada hal kita sememangnya mampu untuk menambah pengeluaran padi sehingga boleh memenuhi keperluan sendiri. Tujuan kita mengimport 15% beras dari Thailand itu ialah untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara tersebut, saya difahamkan.

Memandangkan suasana dunia yang tidak tenteram, lebih-lebih lagi ketegangan yang berlaku di Kampuchea dan Afghanistan yang

berlarutan, maka polisi bergantung kepada negara lain untuk memenuhi keperluan makanan utama rakyat kita itu pada hemah saya patut dikaji semula dan saya fikir sangat tidak bijak kita mengambil risiko dalam perkara ini. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Pertanian supaya mengambil sebarang langkah bagi menarik lebih ramai belia dan beliawanis kita berkecimpung dalam perusahaan menanam padi ini. Tanah sawah kita yang berjumlah lebih kurang 400,000 ekar yang terbiar selama ini sehingga menjadi tanah rang patutlah diberi perhatian dan tumpuan.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan bahawa satu agensi khas untuk mengusahakan tanaman padi secara besar-besaran patut ditubuhkan segera. Sistem yang digunakan oleh FELDA dalam pengambilan peserta-pesertanya dan pembahagian-pembahagian sahamnya patutlah dijadikan contoh oleh agensi ini. Kakitangan atau pegawai-pegawai dari MARDI dan graduan-graduan lepasan Universiti Pertanian hendaklah diberi keutamaan untuk memenuhi jawatan-jawatan Pentadbir dan Pegawai Teknik dalam agensi baru ini. Kaedah tanaman yang lebih saintifik dengan penggunaan jentera-jentera modern untuk kerja membajak sawah, menanam dan menuai padi hendaklah diusahakan sepenuhnya.

Dengan membuat perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang saya sebutkan tadi saya yakin ianya boleh menarik minat para belia dan beliawanis kita untuk berkecimpung dalam perusahaan yang sangat penting bagi kehidupan rakyat negara kita di masa sekarang dan masa akan datang.

Cadangan saya ini saya buat sesuai dengan strategi Belanjawan Tahun 1982 yang berbunyi:

"Strategi Belanjawan Tahun 1982 bertujuan untuk:

- (a) Mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri supaya pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai. Ini akan diusahakan terutama sekali melalui peningkatan pengeluaran

dan bekalan yang diperlukan dalam bidang makanan.....”

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan itu dalam perkara yang pertama, iaitu meningkatkan pengeluaran di bidang makanan ini adalah seperti yang saya katakan tadi patutlah kita tumpukan dalam pengeluaran makanan utama, iaitu pengeluaran padi. Saya harap cadangan saya ini akan mendapat perhatian yang wajar dari pihak Kementerian Pertanian khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh mengenai menambah dan mempergiat penglibatan bumiputera dalam sektor perniagaan. Untuk tujuan tersebut Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah \$1,004 juta kepada Kementerian Perusahaan Awam. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membuat pengumuman iaitu 14 buah bandar telah dipilih oleh UDA untuk diberi keutamaan dalam kegiatannya dalam Rancangan Malaysia Keempat. 3 dari 14 bandar yang disebutkan itu ialah bandar-bandar di negeri Pulau Pinang, iaitu Tanjong Tokong, Butterworth dan Pulau Pinang sendiri. Sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri tersebut saya suka mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kementerian Perusahaan Awam yang telah memberi perhatian begitu berat kepada masalah yang dihadapi oleh bumiputera di Pulau Pinang. Saya yakin tanpa bantuan dan sokongan Kerajaan Pusat, bumiputra di negeri itu tiada berkeupayaan mengatasinya sendiri kerana masalah bumiputera Pulau Pinang itu bukanlah masalah tempatan, tetapi ianya menjadi masalah nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada peranan UDA di Negeri Pulau Pinang, dalam lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ke sana dahulu semasa diadakan pertemuan dengan Pegawai-pegawai UDA dan Wakil-wakil Rakyat, Yang Berhormat Menteri telah membuat beberapa cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang terlalu mendesak yang dihadapi oleh Pegawai UDA di sana. Salah satu cadangannya ialah

untuk menambah kakitangan dan membesarkan Pejabat UDA di negeri Pulau Pinang itu. Saya harap cadangan tersebut dapat dilaksanakan secepat yang mungkin. Selain dari itu, dengan bermulanya kerja-kerja pembinaan jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung, pembangunan pesat dijangka berlaku di kedua-dua bandar, iaitu Pulau Pinang dan Butterworth. Dalam hubungan ini saya sangat menaruh harapan dan keyakinan bahawa UDA hendaklah mengambil inisiatif dari sekarang bagi memastikan penyertaan bumiputera dalam pembangunan-pembangunan yang akan dibuat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan pelancaran anak syarikatnya Amanah Saham Nasional Berhad (ASN). Adalah menjadi satu kenyataan yang diterima oleh semua pihak bahawa secara individu, rata-rata bumiputera tidak mampu untuk bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan dengan bukan bumiputera. Orang yang bukan bumiputera mempunyai latar belakang sejarah yang panjang dan lebih lama, sudah established dalam lapangan ini, tetapi kalau secara satu kumpulan atau lebih tepat dikatakan melalui institusi-institusi, peranan dan kejayaan-kejayaan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian memang tidak boleh dinafikan.

Sebagai contoh, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dalam jangka masa 10 tahun (1971-1980) telah berjaya melatih dan memberi pekerjaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan kepada seramai 8,741 orang bumiputra di samping berjaya mengumpulkan modal-modal ekuiti lebih dari \$500 juta. Satu lagi contoh ialah Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Berhad (FIMA) yang ditubuhkan dalam tahun 1972 yang bertujuan menggalakkan bumiputera bergiat dalam bidang industri memproses makanan telahpun berjaya menubuhkan 15 buah anak syarikat dan 9 buah syarikat bersekutu dalam masa 8 tahun dan mampu juga mengumpulkan modal ekuitinya sebanyak \$63.1 juta dan memberi pekerjaan kepada lebih 1,700 orang bumiputra. Selain dari dua contoh yang saya sebutkan, ada banyak lagi agensi-agensi yang

telah ditubuhkan untuk bergiat di lapangan perniagaan ini yang telah berjaya seperti Bank Bumiputra, Tabong Haji, Bank Pertanian, UDA dan MARA. Kejayaan-kejayaan agensi-agensi tersebut tidak perlu dibincangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi agensi baru yang perlu diperkatakan peranannya, iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan anak syarikat yang terkenal dengan nama Amanah Saham Nasional Berhad (ASN). Kejayaan PNB menguasai akan mengambil alih dengan secara yang halal, secara yang dibenarkan oleh Undang-undang Pasaran Saham British, iaitu Syarikat Guthrie Corporation di pasaran saham London pada pagi 7hb September, 1981 yang lalu adalah satu bukti yang jelas bahawa bumiputera memang mempunyai keupayaan yang setanding dengan orang lain dalam mengendalikan syarikat-syarikat perniagaan dan perusahaan yang besar. Tindakan PNB mengambil alih Syarikat Guthrie di pasaran saham London itu oleh orang-orang British dinamakan, dengan izin, operasi "Dawn Raid" atau Operasi "Serbuan Pajar" telah menggemparkan seluruh Britain, Singapura dan Malaysia. Sememangnya tiada siapa yang menyangka bahawa orang Melayu yang selama ini dianggap lemah, rendah diri, tidak tahu berniaga tiba-tiba sahaja berjaya melancarkan satu operasi yang sangat menakjubkan itu. Orang-orang Inggeris yang sama sekali tidak menyangka perkara tersebut boleh berlaku berasa begitu sedih, hampa dan malu yang amat sangat. Maka untuk menutup perasaan malu, hampa dan kesedihan yang amat sangat itu mereka telah menuduh dan membuat fitnah kononnya tindakan PNB mengambil alih Syarikat Guthrie itu adalah merupakan langkah pertama Kerajaan Malaysia dalam usahanya memiliknegerakan pelaburan-pelaburan besar orang-orang asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tuduhan dan fitnah-fitnah itu sangat jahat dan buruk akibatnya. Ianya boleh menjejaskan usaha Kerajaan Malaysia menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia. Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah telah menolak segala fitnah dan tuduhan-tuduhan tersebut dengan menyatakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Dewan ini hanya sebut sama ada jawatannya atau dari kawasan mana dia datang. Constituency dia.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menolak segala fitnah-fitnah dan tuduhan-tuduhan tersebut dengan menyatakan bahawa pembelian 50.4% dari jumlah saham Guthrie dan seterusnya menguasai syarikat gergasi itu adalah satu urusan biasa yang mematuhi peraturan pengambilalihan dan pencantuman tatacara Bandaraya London. Ini juga merupakan satu pengajaran yang bernilai yang Britain berikan kepada kita apa lagi dari segi nilai sebenar harga yang dibayar untuk menguasai Guthrie bukanlah murah, setiap pihak sepatutnya mengalu-alukan kejayaan cemerlang PNB itu dan Kerajaan tidak seharusnya dituduh cuba memiliknegerakan industri terbesar asing.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kejayaan PNB mengambilalih Syarikat Guthrie pada saya ianya memberi sumbangan yang paling besar ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Usaha itu menjadikan bumiputra sekarang menguasai lebih separuh perusahaan peladangan negara ini kerana Syarikat Guthrie mempunyai ladang seluas 186,000 ekar di Malaysia. Saya suka merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tun Ismail bin Md. Ali, Pengerusinya yang telah mengaturkan satu strategi yang begitu rapi, cekap, licin dan penuh rahsia dalam usaha pengambilalihan hingga mencapai kejayaan yang begitu cemerlang. Sesungguhnya kejayaan yang dibuat oleh PNB itu bolehlah disifatkan sebagai satu usaha melepaskan belunggu penjajah British yang selama ini masih membelit badan ekonomi negara kita walaupun negara kita sudah merdeka lebih 20 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang anak syarikat PNB iaitu Amanah Saham Nasional yang telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri kita Tun Hussein Onn pada bulan April, 1981 lalu. Sebelum pelancaran tersebut pihak Ahli-ahli Lembaga Pengarah menjangka bahawa penyertaan bumiputera

dalam Amanah Saham Nasional akan mencapai angka selebih-lebihnya 300,000 orang sahaja iaitu hingga akhir tahun 1981 tetapi setelah pelancaran itu dibuat sambutan dari bumiputra begitu hangat hingga didapati bilangan penyertaan adalah di luar dugaan sama sekali. Angka sebenar penyertaan bumiputra dalam Amanah Saham Nasional iaitu hingga 30hb September, 1981 ialah seramai 811,515 orang dengan nilai pelaburan berjumlah \$286,725,175. Sambutan yang begitu menggalakkan dari orang ramai ini jelas membuktikan bahawa kaum bumiputera memang benar-benar menyokong Dasar Ekonomi Baru yang matlamat akhirnya bertujuan memastikan kaum bumiputera memperoleh atau memiliki sekurang-kurangnya 30% dari ekonomi negara. Seruan Kerajaan yang bertalu-talu merayu bumiputera menceburkan diri di lapangan perniagaan dan perusahaan selama ini bukanlah tidak disedari oleh mereka tetapi ada banyak perkara yang menjadi halangan.

Ramai juga bumiputera yang telah memasuki bidang ini telah menemui kegagalan. Persaingan yang terlalu hebat dengan modal yang sedikit dan tidak mempunyai pengalaman langsung tidak mungkin bumiputera boleh berjaya di bidang tersebut. Oleh yang demikian, bila peluang menanam modal cara membeli saham ini dibuka maka ramailah kaum bumiputera menyambutnya tambahan pula mereka dapati Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya terdiri dari orang-orang yang benar-benar mempunyai sifat-sifat dedikasi, cekap, berkebolehan dan jujur.

Jika dikaji penyertaan dalam Skim Amanah Saham Nasional ini mengikut negeri-negeri maka didapati peratus penyertaan bumiputera dari Trengganu dan Kelantan paling kecil kalau dibanding dengan penyertaan dan lain-lain negeri di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut angka-angkanya. Yang pertama dari Wilayah Persekutuan, peserta berjumlah 72,228 orang dengan peratusannya ialah 45%. Negeri Sembilan, peserta berjumlah 44,430 orang dengan peratusannya ialah 30.1% dan begitulah seterusnya dan yang ketiga belas ialah negeri Trengganu, peserta berjumlah

31,037 orang dan peratusannya hanya 11.9% dan yang keempat belas ialah negeri Kelantan, peserta berjumlah 43,798 orang dan peratusannya hanya 9.9%.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada peratusan yang kecil penyertaan bumiputera di kedua-dua buah negeri ini timbul berbagai pertanyaan di kepala kita. Mengapa sambutan dari Trengganu dan Kelantan terhadap ASN itu begitu dingin sekali? Adakah penerangan-penerangan yang dibuat mengenainya tidak mencukupi atau adakah mereka ini telah diberi penerangan yang salah tentang ASN oleh pihak-pihak tertentu? Kalau kita kaji dan kita lihat latarbelakang sejarah orang-orang Melayu dari kedua-dua iaitu Trengganu dan Kelantan inilah yang paling ramai berkecimpung dalam perniagaan dan perindustrian. Mereka didapati jauh lebih maju dari kaum bumiputera di negeri lain di Malaysia ini tetapi mengapa sambutan mereka terhadap ASN begitu merosot. Mengapa? Saya ingin mengemukakan soalan ini mengapa dan dalam hubungan ini saya berharap pihak pengurusan Amanah Saham Nasional akan meningkatkan lagi kempen penerangan mereka di kedua-dua buah negeri tersebut. Kalau pegawai-pegawainya kurang, tambah 100% pegawainya, kita mesti berperang dengan orang-orang yang cuba mengkhianat usaha dan hasrat bumiputera untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi ini. Ada juga berita-berita yang mengatakan adanya golongan-golongan tertentu yang masuk ke kampung-kampung melarang dan menegah orang ramai membeli Amanah Saham Nasional ini kerana kononnya ianya bertentangan dengan Ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan ucapan dan amaran-amaran yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam dalam kunjungannya ke negeri Trengganu baru-baru ini. Beliau telah sedar bahawa ada ramai orang-orang yang sanggup menggunakan ugama untuk memecah-belahkan orang-orang Melayu kita ini untuk kepentingan politik individu mereka ini. Perkara ini tidak boleh kita biarkan. Saya harap Kerajaan akan bertindak tegas bukan hanya dengan kata-kata dan amaran, tindakan

mesti dibuat sebelum perkara ini menjadi lebih buruk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana benarnya berita yang mengatakan kempen-kempen buruk itu tidaklah dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, jika berita-berita itu benar, saya suka menyeru kepada golongan-golongan tersebut supaya segeralah menghentikan perbuatan yang sia-sia yang merugikan kaum bumiputera ini. Marilah sama-sama kita berganding bahu bantu-membantu dalam menjayakan hasrat bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyertaan 20% sahaja dari 3.5 juta bumiputra yang layak membeli saham, pihak Perbadanan Nasional Berhad (PNB) telah dapat membuat berbagai-bagai kejayaan dalam tugas mereka bergiat di bidang perniagaan dan perindustrian. Saya sungguh yakin jika 50% dari jumlah bumiputra yang layak dapat ditarik menyertai Skim Amanah Saham Nasional itu dalam masa setahun dua ini, maka harapan begitu cerah dan saya sangat yakin bahawa kita boleh mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru itu dalam tempoh yang dijadualkan atau lebih awal daripada yang kita jadualkan.

Sekianlah dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang berhormat dari Bandar Sibü.

4.02 ptg.

Datuk Dr Wong Soon Kai (Bandar Sibü): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syukur kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan pihak Kerajaan kerana membentangkan satu cadangan Belanjawan 1982 di Dewan yang mulia ini yang mana berasaskan kepada satu strategi Belanjawan yang sangat bijaksana dan progresif. Sesungguhnya Belanjawan ini telah menekankan perkara yang berikut:

- (1) Mewujudkan satu cara pertumbuhan ekonomi yang tinggi.
- (2) Meringankan beban rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan miskin.

(3) Mengawal inflasi dalam negeri.

(4) Memperteguhkan imbangan pembayaran negara kita.

Dalam keadaan kemerosotan dan inflasi yang masih wujud di seluruh dunia hari ini strategi ini benar-benar berasaskan kepada prinsip perusahaan bebas (free enterprise) dan dorongan yang baik bagi menjamin bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang pada satu jarak yang memuaskan.

Pihak Kerajaan pula tidak bercadang hendak menambah cukai apabila imbangan pembayaran Malaysia diramalkan, sebaliknya cukai-cukai dalam kebanyakan sektor sedang dikurangkan untuk meringankan beban yang dipikul oleh rakyat jelata di dalam bandar dan kawasan luar bandar dan juga mendorong lebih banyak lagi pelaburan dan pertumbuhan beberapa langkah tertentu telah pun diambil untuk menambahkan sektor ekonomi kita, terutama sekali dalam bidang pertanian, perusahaan kilang dan pembinaan perkapalan dan pelancungan. Sementara sektor sosial, pelajaran, keselamatan dan sektor ekonomi akan terus diperluaskan pada satu tahap yang sangat bererti. Saya percaya bahawa strategi Belanjawan ini paling sesuai dalam kedudukan dalam negeri dan antarabangsa masa ini dan rakyat di Malaysia sepatutnya berasa bangga mempunyai kepercayaan dan mendapat jaminan bahawa pihak Kerajaan telahpun menunjukkan kesanggupan dan kebijaksanaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perumusan satu Belanjawan tersebut. Ianya juga membuktikan bahawa Kerajaan kita benar-benar memberikan perhatian yang berat terhadap kebajikan dan kebaikan rakyat kita semua sekarang dan dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua faham bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru telahpun mengambil langkah tertentu untuk memperbaiki jentera Kerajaan. Segala usaha dan keazaman yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menyediakan satu perkhidmatan yang cekap, licin dan bersih sepatutnya diberi pujian dan penghargaan yang tinggi oleh kita semua

meskipun ada beberapa golongan yang merasa bimbang dalam perkara ini. Namun tujuan serius untuk kebaikan memanglah tidak dapat disangsikan lagi. Sebenarnya sudah ada hasil yang baik dibuktikan. Waktu masuk bekerja dan balik dari pejabat yang telah ditetapkan dan diamalkan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan (clock in and clock out) memanglah bukan merupakan semua jawapan untuk menambahkan kecekapan dan hasil pengeluaran yang lebih baik tetapi pengenalannya telahpun membaiki disiplin yang lebih baik, menjamin hasil bertugas sepenuh masa dan pada amnya memperbaiki imej perkhidmatan awam kita. Namun demikian untuk meninggikan lagi disiplin di kalangan kakitangan Perkhidmatan Awam dan memperbaiki kecekapan serta hasil pengeluaran maka langkah-langkah tambahan perlu diambil. Sikap tanpa minat dan tidak mengambil peduli perlu diubah menjadi rajin dan penuh bertanggungjawab. Kurang moral dan keazaman untuk berkhidmat kepada rakyat perlu digantikan dengan semangat kesetiaan, dedikasi dan kesanggupan dan semangat bekerja secara kumpulan (team-work) haruslah diwujudkan dalam semua jabatan dan institusi. Semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam hendaklah berkelakuan baik kalau mereka menjadi majikan untuk rakyat kita. Kerja yang memuaskan hanya boleh didapati apabila mutu perkhidmatan dari pegawai dan kakitangan awam dapat diberi penuh penghargaan oleh pihak berkuasa dan semua kenaikan pangkat sentiasalah berdasarkan kepada merit atau jasa tanpa pilih kasih dan diskriminasi.

Dalam hubungan ini pihak Kerajaan mestilah menjamin bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sentiasa diberi kuasa yang penuh dan bertindak secara bebas, saksama dan dikendalikan oleh ahli-ahli yang berkaliiber tinggi. Dalam pada itu mereka yang malas, mementingkan diri sendiri, tamak dan rasuah hendaklah didedahkan tanpa kesihan dan diambil tindakan yang tegas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat-sangat menggalakkan apabila mengetahui bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan

telah pun menyediakan keseluruhan langkah-langkah untuk melicinkan peraturan-peraturan perkhidmatan dan mempercepatkan proses serta mutu bagi semua keputusan dan pihak Kerajaan akan memperbaiki lagi projek pengurusan dan tanggungjawab serta seluruh kesanggupan pelaksanaan.

Saya fikir sejauh mana yang terdapat maka adalah perlu mengenakan had-had masa tertentu bagi segala projek dan peraturan-peraturan perkhidmatan tertentu dan mengambil pendekatan yang harus dilangkah biarlah semua jabatan dan agensi Kerajaan jangan tunduk kepada Parkinson's Law dan tabiat atau amalan mengelakkan diri daripada tanggungjawab hendaklah dihapuskan.

Misalnya banyak pengalaman telah pun dihadapi oleh orang ramai bahawa permohonan-permohonan yang dikemukakan untuk perusahaan atau projek tertentu seperti dalam bidang perniagaan dan industri, bidang perumahan, pertanian, pengangkutan dan sebagainya selalu mengambil masa yang terlalu lama. Sebaliknya, pihak pemohon terpaksa berulang-alik ke Jabatan-jabatan yang berasingan sebelum keputusannya diketahui. Perkara seperti ini selalu berlaku dalam mana tempoh paling baik untuk membuat pelaburan telah pun berakhir apabila segala permohonan itu diluluskan kemudiannya, tambahan pula waktu yang diperlukan bagi memproses segala permohonan ini tidak pernah ditetapkan dan jarang sekali yang menunjukkan bahawa segala permohonan itu diberi pertimbangan oleh pihak berkuasa berkenaan mengikut giliran masing-masing iaitu siapa dahulu diuruskan dan yang lambat terpaksa menunggu atau first come, first served basis.

Dalam hubungan ini maka saya benar-benar mengharapkan dalam usaha kita hendak memperbaiki jentera perkhidmatan Kerajaan, Kerajaan boleh mengenalkan satu sistem baru supaya sejauh mana yang terdapat mengurangkan kelewatan dan mengamalkan satu sistem perhentian atau one-stop system bagi semua permohonan tersebut. Tarikh menerima setiap permohonan hendaklah dibubuhkan dengan betul dan satu had masa yang tertentu ditetapkan kepada

kakitangannya dan pegawai Kerajaan yang mengurus bagi mereka menimbangkan setiap permohonan itu. Sekiranya berlaku kelewatan maka penjelasan hendaklah diberi kepada pihak pemohon dengan memberi sebab-sebab kelewatan itu. Untuk menjamin kejayaan dalam cita-cita Kerajaan hendak menambahkan ekonomi dan mencapai segala matlamat Dasar Ekonomi Baru maka adalah penting supaya jentera Kerajaan benar-benar mempunyai kecekapan, kelicinan dan kebersihan sebagaimana yang dibayangkan oleh Kerajaan baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya, Malaysia masih lagi menghadapi kekurangan buruh dalam beberapa kawasan. Kekurangan ini dialami begitu teruk di peringkat buruh yang mahir dan profesional dalam kawasan-kawasan tertentu. Sekiranya ekonomi kita masih hendak bergerak maju dan berkembang ke satu jarak yang cepat maka adalah perlu bagi negara kita menggunakan sepenuhnya anggota-anggota mahir, profesional dan ahli-ahli siswazah yang sedia ada.

Kita semua tahu bahawa Kerajaan sedang giat melatih lebih banyak lagi bilangan pekerja-pekerja tempatan yang mahir, professional dan ahli-ahli siswazah menerusi pusat dan institusi pelajaran vokesyenal, teknikal dan peringkat tinggi dalam negeri kita dan mereka ini akan merupakan sumber utama bagi bekalan tenaga kerja kita di masa akan datang. Dalam pada itu juga satu lagi sumber mustahak ialah kumpulan warganegara yang diberi latihan di negara-negara asing, anggota-anggota itu yang berkelayakan akan merupakan satu kumpulan yang perlu untuk menambahkan keperluan tenaga kerja negara kita bagi masa jangka panjang nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di masa dahulu pengalaman kedua-dua kumpulan tenaga kerja yang terlatih dari dalam atau luar negeri tidak begitu memuaskan. Kebanyakannya merasa bahawa di Malaysia ini mereka yang terlatih dan berkelayakan biasanya memburu pekerjaan dan di dalam memburu pekerjaan ini seluruhnya membuktikan kekecewaan,

manakala kebanyakan negara yang sudah membangun biasanya pekerjaan memburu mereka. Maka tidaklah hairan apabila kita mengetahui para siswazah dan profesional baru telah memohon satu kerja ke satu kerja beberapa bulan tanpa berjaya pula. Sehingga ini jentera Kerajaan kita tidak menyediakan jawapan yang memuaskan terhadap keperluan menggunakan sepenuh tenaga kerja kita yang berkelayakan. Oleh itu, maka saya suka mencadangkan supaya sebuah jabatan khas ditubuhkan dalam Kerajaan untuk mengendalikan dan menguruskan perkara ini dan jabatan ini akan membantu dan mencari pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan secepat mungkin untuk para siswazah, professional dan pekerja-pekerja mahir tanpa memerlukan mereka lari dari sebuah agensi atau jabatan ke sebuah agensi dan jabatan lain, ianya boleh menyelaraskan semua pihak awam dan juga sektor swasta untuk mengisikan jawatan kosong yang sedia ada. Ini juga boleh menolong orang-orang ini mendapatkan pekerjaan dengan lebih teratur dan lebih cepat. Inilah masanya pihak Kerajaan memikirkan secara serius dalam perkara ini untuk memberikan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja kita yang sedia ada dengan tepat untuk memperbaiki kecekapan dan hasil pengeluaran dan untuk mempercepatkan tempoh pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian di kalangan orang awam selalu timbul bahawa kebanyakan hospital Kerajaan masih lagi kekurangan doktor-doktor pakar (specialist) untuk merawat para pesakit. Pakar-pakar ini sangatlah diperlukan dan pihak Kerajaan hendaklah berusaha mencari satu jalan yang realistik untuk mendapatkan seberapa banyak bilangan doktor-doktor pakar berkhidmat dalam perkhidmatan perubatan dan kegiatan Kerajaan.

Saya percaya satu daripada sebab mengapa doktor-doktor pakar (specialist) ini suka meninggalkan perkhidmatan Kerajaan ialah mereka merasa diri mereka tidak diberi layanan yang menasabah oleh pihak Kerajaan. Satu lagi soal besar yang dihadapi oleh mereka ialah peperiksaan Kerajaan dalam Bahasa Malaysia yang mana wajib bagi mereka lulus sebelum dilantik sebagai pakar

perunding (consultants) dapat disahkan. Saya faham kebanyakan mereka telah pun mengambil masa yang serius untuk belajar bagi menghadapi peperiksaan itu, tetapi hanya sebilangan yang kecil dari mereka mungkin ada harapan supaya mereka itu boleh lulus dalam peperiksaan itu. Apa yang penting bagi mereka ialah doktor pakar ini terpaksa bekerja teruk siang dan malam dan selalu sebok dengan tugas serta tanggungjawab dan dengan itu mereka sukar untuk melapangkan masa untuk menumpu pelajaran bagi peperiksaan itu.

Satu lagi aduan ialah mereka menganggap tingkat yang dibentuk oleh pihak berkuasa untuk lulus dalam peperiksaan Kerajaan dalam Bahasa Malaysia itu adalah terlalu tinggi untuk mereka dan adalah sangat sedikit sahaja perkara yang berkaitan dengan mutu kerja professional mereka.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengubah peringkat atau standard peperiksaan itu kepada satu tingkatan yang lebih realistik untuk semua golongan professional seperti doktor, pakar klinik, jurutera, arkitek, kapten laut dan lain-lainnya. Saya percaya perubahan ini tidak akan merendahkan mutu perkhidmatan para profesional ini dalam bidang-bidang pengkhususan mereka dan dengan itu maka tidak banyak bilangan mereka yang akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak Kerajaan supaya menimbangkan semua dasarnya yang ada sekarang mengenai cara untuk menetap di negara ini bagi isteri-isteri asing yang berkahwin secara sah dengan warganegara Malaysia. Kebanyakan dari mereka ini berkahwin dengan warganegara kita yang mempunyai kelayakan dan ijazah tinggi semasa suami mereka menuntut di luar negeri. Saya percaya mereka berkahwin kerana percintaan dan menaruh keyakinan yang tulin bahawa negara kita mempunyai sebuah Kerajaan yang demokrasi dan memberi kebebasan percintaan dan percaya yang mereka itu akan dibenarkan tinggal bersama di negara asal suami mereka. Walau bagaimanapun di bawah peraturan

Immigresen sekarang para isteri ini hanya dibenarkan tinggal di Malaysia atas satu pas lawatan bulanan dan terpaksa pula meninggalkan negara ini setelah 3 bulan ataupun kurang dari itu sebelum mereka boleh memohon semula kebenaran untuk masuk ke negara ini semula untuk tempoh yang sama. Kesukaran dan tekanan masalah kewangan telah memaksa banyak bilangan kategori kedua pasangan ini meninggalkan Malaysia selama-lamanya.

Kalaulah saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun difahamkan bahawa dasar asal ini sudahpun dirumuskan, sebab terdapat banyak kes-kes penyalahgunaan di mana beberapa orang para isteri asing didapati berkahwin dengan warganegara Malaysia sama ada secara penipuan yang dilakukan oleh pihak sindikit yang tertentu atau hanya untuk memudahkan mereka masuk ke Malaysia. Sekiranya perkara ini benar-benar terjadi maka saya fikir pihak Kerajaan kenalah dan juga dapatlah menguruskan kes-kes secara berasingan daripada mengenakan satu dasar tegas keseluruhannya oleh kerana dalam kes-kes yang tulin dasar ini telah mengakibatkan sebilangan besar golongan yang berkeelayakan meninggalkan negara ini padahal mereka ini memang suka hendak kembali ke tanahair untuk berkhidmat. Saya merayu pihak Kerajaan kita dapat membuat satu pendekatan yang lebih liberal, lebih berperi kemanusiaan terhadap golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur kepada pihak Kerajaan kerana Kerajaan sentiasa memberi keutamaan untuk membesarkan lagi infrastruktur di seluruh negara. Saya ingin mendesak supaya pihak Kerajaan Pusat dapat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan lapangan terbang di Sibu, Sarawak iaitu kawasan saya dengan menyediakan dan memasang sistem api di landasan lapangan terbang tersebut yang telah diluluskan itu dengan secepat mungkin. Lapangan terbang Sibu sangatlah sibuk dan penuh sesak dan perkhidmatan udaranya selalu terganggu. Kerajaan Pusat telahpun membina sebuah bangunan terminal tambahan di lapangan terbang ini. Selain daripada alat hawa dingin dan tempat letak kereta baru, projek itu telahpun siap. Rakyat di Sibu sungguh gembira dan berterima kasih

atas kemudahan tambahan ini tetapi mereka mengharapkan peruntukan untuk alat hawa dingin dan tempat letak kereta baru ini dapat dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat dengan secepat mungkin.

Kerja memasang sistem api pendaratan di landasan sana sudah tentu akan memanjangkan waktu operasi pesawat terbang ke Sibu dan sebaliknya dan oleh itu memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai di sana. Dalam pada itu maka adalah diharapkan supaya Lapanganterbang Sibu baru; sebuah projek baru, akan dapat disiapkan sebelum berakhirnya tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gembira bahawa pihak Kerajaan telah pun terus memberi keutamaan terhadap perkhidmatan perubatan dalam Belanjawan ini. Saya ingin sekali lagi merayu bagi pihak rakyat di kawasan Sibu supaya pihak Kerajaan Persekutuan mula melaksanakan pembinaan Hospital Umum baru di Sibu sebagai perkara yang sangat diperlukan. Projek ini telah pun dijanjikan kepada rakyat di sana dan dikatakan sudah diluluskan beberapa tahun dahulu tetapi rakyat di Sibu masih lagi menunggu kerja fizikal dijalankan di sana. Adakah diakui bahawa projek seperti sebuah Hospital Umum baru di mana perlu mengambil masa yang lama untuk merancang dan melaksanakannya tetapi masa yang diambil mestilah pula berpatutan, kerana ini dianggap bersesuaian dengan satu kecekapan Kerajaan kita. Saya harap projek ini akan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang segera masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Belanjawan tahun 1982 ini sebagai satu agenda untuk menambahkan kemajuan negara kita. Satu cadangan yang realistik dan progresif meskipun sangat berani, berapa banyakkah kemajuan akan dicapai adalah bergantung penuh dengan berapa banyak kebaikan dapat dicapai dalam jentera Kerajaan, dan juga bergantung ke atas keazaman, dedikasi, kerjasama dan usaha kuat pihak Kerajaan dan semua rakyat. Marilah kita berdiri teguh di belakang Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita dan bekerja untuk masa hadapan yang lebih cerah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Maran.

4.28 ptg.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberikan sepenuh-penuh sokongan kepada Belanjawan 1982.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana Belanjawan 1982 tidak melupakan untung nasib pekebun-pekebun kecil getah di negara ini yang jumlahnya lebih daripada 500,000 orang. Kepada mereka ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang pembangunan sebanyak \$95 juta; daripadanya \$35 juta akan digunakan sebagai subsidi bagi tanaman semula dan bakinya digunakan bagi lain-lain projek yang sangat menguntungkan seluruh pekebun kecil. Semua orang tahu bahawa bantuan subsidi ini khususnya bukanlah satu perkara yang baru tetapi dianya adalah merupakan bantuan sambungan yang diberikan oleh Kerajaan daripada tahun ke tahun. Jadi dengan adanya bantuan seperti ini; bantuan tanaman semula dan berbagai-bagai jenis subsidi yang ada hubungannya dengan tanaman semula, maka pekebun kecil di hari ini telah dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan.

Kerajaan juga menerusi agensi yang berkenaan telah melaksanakan tugasnya dengan begitu cemerlang mengikut keupayaan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada agensi. Di hari ini pekebun-pekebun kecil telah mendapat berbagai-bagai kemudahan termasuk berbagai jenis kredit serta juga bantuan pelajaran kepada anak-anak pekebun-pekebun kecil kita. Dengan bantuan ini juga maka pengeluaran getah telah bertambah dari setahun ke setahun dan juga mutu getah kita sebagai getah asli telah juga bertambah baik jika dibandingkan dengan getah-getah asli yang dikeluarkan daripada negara-negara jiran. Namun demikian, pendapatan pekebun-pekebun kecil iaitu mereka yang memiliki 10 ekar ke bawah tidak

begitu banyak bezanya daripada pendapatan mereka beberapa tahun yang lepas disebabkan tidak adanya usaha tidak cukup diusahakan bagi pengstabilan harga. Harga getah masih tidak stabil. Setakat ini nampaknya kita hanya menyerahkan perkara ini kepada manipulasi pasaran dunia sematamata. Perkara ini adalah mendukacitakan.

Mungkin juga negara-negara lain yang juga mengeluarkan barang mentah seperti kita juga terdedah kepada manipulasi pasaran dunia tetapi itu tidaklah boleh kita jadikan sebagai satu argument untuk mencari helah ataupun bagi kita memberikan argument itu sebagai mencari satu jawapan yang ringkas kepada pekebun-pekebun kecil.

Soalnya ialah sama ada kita patut berpuas hati meletakkan tahap fikiran kita itu sama dengan mereka yang mengeluarkan barang mentah ataupun sama ada kita harus berfikir kerana kita mempunyai kepakaran yang lebih dan kita boleh buat lebih daripada negara-negara jiran yang juga mengeluarkan getah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah pengeluar utama getah di dalam pasaran dunia ini dan lebih kurang 42%-45% pasaran getah dunia adalah dari Malaysia dan daripada jumlah pengeluaran getah yang kita eksport ini lebih kurang 62% daripada jumlah itu adalah dari pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Ini bermakna hampir separuh daripada pengeluaran getah asli di dunia adalah dikeluarkan oleh Malaysia dan dari jumlah itu pula 62% ataupun 500,000 pekebun-pekebun kecil adalah bertanggungjawab atau sebagai orang mengeluarkan hasil ini.

Dengan itu tidaklah seharusnya pihak Kerajaan menumpukan usaha lebih terhadap pengstabilan harga serta memastikan bahawa pekebun-pekebun kecil kita ini mendapat pendapatan yang setimpal dengan usaha dan tenaga mereka sebagai pengusaha hasil utama di negara ini? Memang benar mungkin setengah pihak akan mengatakan bahawa sekarang ini kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil meninggikan pendapatan mereka menerusi penambahan hasil getah, getah bermutu tinggi serta juga menerusi berbagai usaha sampingan sama ada

menternak, bertanam kontan, berkedai secara koperasi dan sebagainya. Usaha-usaha ini memang kita puji dan ini telah mendapat galakan daripada pihak kerajaan. Ada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan. Ini adalah usaha-usaha kerajaan untuk menentukan bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil ini adalah menasabah dan tidak di bawah paras kemiskinan. Tetapi masalahnya adakah ini suatu bantuan yang benar-benar kita boleh galakkan sepanjang masa kerana bantuan ini tidak membantu sedikitpun di dalam masalah yang prinsip itu iaitu penstabilan harga getah?

Tuan Yang di-Pertua, dengan harga getah yang hampir ke paras meleset pada masa sekarang ini banyak penoreh getah di kampung-kampung terutamanya di kalangan muda telah berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari kerja yang agak lebih lumayan, kalau tidak lumayan pun untuk mencari kerja yang berpendapatan tetap walaupun sebagai pemandu lori atau pemandu motokar. Kalau mereka ini sudah begitu established di bandar-bandar mereka mempunyai kerja yang tetap. Walaupun mereka ini masih menduduki rumah haram tetapi apabila mereka telah merasa diri mereka established maka adalah sangat sukar bagi kita untuk memindahkan mereka ini balik semula ke kampung-kampung. Apakah hasil yang kita perolehi daripada usaha-usaha kita untuk menambahkan hasil getah asli ini?

Kita juga selalu membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa di kampung-kampung tidak banyak lagi pemuda-pemuda yang ingin bekerja secara pertanian walaupun berbagai-bagai percubaan telah kita buat untuk memberi kepercayaan kepada mereka bahawa kerja pertanian ini adalah satu kerja yang terhormat dan adalah satu usaha yang disanjung tinggi oleh negara kerana kebanyakannya melibatkan pengeluaran makanan. Tetapi kempen seperti ini tidak akan berhasil kalau kita hanya mebiarkan pemuda-pemuda ini terus berhijrah ke bandar.

Sekarang ini Perbadanan Nasional Berhad atau ringkasnya PNB telahpun memiliki controlling shares Guthrie dan ada lagi dua pihak yang lain telah berusaha sama untuk memiliki controlling shares Dunlop.

Saya berharap dan saya percaya pihak Kerajaan, pihak PNB telah membuat perhitungan ekonomi yang terperinci apabila membeli saham Guthrie. Saya juga difahamkan bahawa PNB telah membuat tawaran kepada pemegang-pemegang saham Guthrie lebih daripada harga pasaran yang sebenarnya dan dengan sebab itu sukar bagi pemegang-pemegang saham Guthrie hendak melepaskan peluang keemasan seperti itu. Saya menyokong 100% di atas pembelian ini dan ini adalah merupakan kejayaan yang sangat besar kepada kepimpinan Perdana Menteri yang baru.

Saya mengaku saya tidak mengetahui sumber kewangan PNB iaitu pinjaman di mana PNB buat dan peruntukan mana; bayaran yang dibuat oleh siapa, sama ada daripada orangramai misalnya bagi PNB untuk memperolehi saham-saham Guthrie. Walaupun dari mana sumbernya, PNB adalah accountable di dalam hal pelaburan ini. Maksud saya PNB setelah membeli saham ini dengan harga yang tinggi mesti menunjukkan kepada orangramai, kepada mereka yang telah membeli saham bahawa projek ini adalah satu projek yang viable yang akan mendatangkan keuntungan. Saya bimbang jikalau harga getah terus meleset seperti sekarang ini, saya bimbang akan akibat kemudiannya. Mungkin juga pihak PNB akan mengatakan bahawa getah ini bukanlah menjadi perniagaan utama Guthrie, kerana saya tahu juga Guthrie telah diversified, Guthrie banyak menjalankan perniagaan lain tetapi setelah kita memiliki controlling shares di atas suatu syarikat gergasi yang business utamanya getah, tidaklah patut Kerajaan menumpukan sepenuh-penuh usaha supaya harga getah ini dapat kita stabilkan?

Hari ini kita memanggil syarikat-syarikat Kerajaan untuk dibicarakan di hadapan Public Accounts Committee, kita telah membuat teguran-teguran kepada PKEN-PKEN yang melabur di dalam projek-projek yang pada mulanya viable tetapi kemudian menjadi tidak viable, mendatangkan kerugian. Kita tidak mahu jikalau pada suatu hari PNB pula kerana dia syarikat, barangkali yang menggunakan suatu sumber wang yang Kerajaan mempunyai kepentingan maka dia boleh dipanggil untuk dibicarakan di

hadapan Public Accounts Committee. Saya tidak mahu perkara itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi oleh kerana saham getah ini telah balik kepada tempat asal-usulnya iaitu Dunlop telah balik ke mari, Guthrie telah balik ke mari jadi kita tidak patut lagi memikirkan apa jadi kalau harga getah terus meleset. Kita sekarang harus memikirkan bagaimana kita boleh control pasaran dunia dan menentukan harga di pasaran setiap masa. Ini adalah masalah sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Kerana telah adapun diberitahu menerusi akhbar-akhbar dan majallah-majallah bahawa selepas PNB mengcontrol Guthrie maka beberapa negara pembeli Eropah telah bercadang untuk membuat persetujuan cartel serupa juga cartel baja. Tetapi kali ini mereka membuat persetujuan cartel di atas pembelian getah. Mereka ini marah kerana barangkali pemimpin di Malaysia ini lebih cekap daripada pemimpin mereka. Tetapi walau macam manapun, kita harus berjaga-jaga.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kandungan ucapan Belanjawan 1982, saya tidak dapat di mana juga pun ada nyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan kenaikan harga getah, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Apa yang ditumpukan ialah usaha-usaha untuk meninggikan pengeluaran hasil getah semata-mata yang saya sebut \$95 juta dan \$35 juta itu. Kepada saya banyak itu tidak semestinya menggalakkan kestabilan harga. Bagaimana kalau di hari ini kita mengeluarkan di antara 40% dengan 45% getah dunia maka harganya meleset, bagaimanakah keadaannya kalau kita telah mengeluarkan 60% getah di pasaran dunia, adakah bermakna maka bertambah pengeluaran getah kita maka ada jaminan harganya akan stabil. Saya tidak nampak begitu tinggi lojiknya. Jikalau hendak dibandingkan seperti juga buah langsung dan durian, apabila telah melampau di pasar maka harganya tidak ada lagi melainkan jikalau ada usaha-usaha bagi memperosesnya di mana barangkali buah-buahan itu dapat kita simpan lama di samping kita dapat kesempatan untuk memperkenalkannya dengan lebih luas kepada masyarakat.

Jadi demikian juga dengan harga getah. Jikalau hanya banyak sahaja tetapi kita tidak ada cara untuk mengcontrolkan pasaran dunia dan kita tidak memberikan cukup usaha di dalam negara kita sendiri, saya tidak nampak bagaimana harganya boleh distabilkan. Kita harus juga memikirkan bagaimana negara-negara lain yang mengeluarkan minyak mentah boleh menstabilkan harga minyak tetapi kita mengeluarkan getah mentah tidak boleh menstabilkan harga getah. Negara-negara lain juga yang mengeluarkan barang yang telah dimanufacture iaitu bukan barang mentah seperti negara Jepun yang mengeluarkan barang elektronik boleh menetapkan harga. Banyak negara yang mengusahakan barang-barang seperti itu dapat menstabilkan harganya sedangkan mereka ini berharap sangat kepada pasaran di dunia dan mereka mengeluarkan barang-barang ini kerana mengharapkan pasaran di dunia ini. Tetapi kita tidak dapat. Adakah jawapannya kalau dibandingkan dengan negara minyak itu tadi bahawa dunia ini tidak boleh berjalan tanpa minyak tetapi dunia boleh berjalan tanpa getah? Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, itu bukan jawapannya kepada saya dunia berkehendakan minyak dan getah sama-sama. Jikalau kita tidak boleh mengcontrolkan harga getah kita, tentulah ada kesilapannya di mana-mana. Saya faham di dalam Kerajaan menentukan Dasar Belanjawan Negara, Kerajaan tentulah memerlukan perimbangan di dalam perkembangan ekonomi.

Tetapi yang menjadi bahan ucapan saya hari ini ialah saya dapati terlalu banyak titik-berat diberi kepada perkembangan industri lain sedangkan perusahaan yang menjadi tulang belakang ekonomi negara semenjak beratus tahun tidak mendapat sebanyak perhatian yang diperolehi oleh sektor lain. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patutlah memberikan galakan sehabis-habisnya kepada perusahaan perkilangan getah iaitu apa juga perusahaan yang menggunakan getah sebagai bahannya, maka Kerajaan harus menggalakkan perusahaan itu. Kita boleh beri tax incentive selama 10 tahun misalannya supaya kita menggalakkan pertumbuhan industri seperti ini. Kita mesti mengambil usaha dan mula memikirkan sekarang bahawa kita bukan

sahaja hendak mengcontrolkan pengeluaran getah mentah di dunia tetapi kita harus memikirkan bagaimana kita boleh mengcontrolkan pengeluaran barang-barang yang dibuat daripada getah tadi.

Ada pihak yang mengatakan bahawa ini bukanlah satu perkara yang senang, perkara seperti ini akan memakan masa barangkali 5 tahun, pelabur-pelabur juga tidak minat yakni kalau mereka perolehi return dalam masa 5 tahun ataupun ke atas, tetapi saya percaya kalau adanya galakan daripada Kerajaan, adanya tax incentive yang menasabah kita boleh melahirkan perusahaan-perusahaan itu di negara kita ini dengan cara yang pesat. Ini adalah salah satu cara di mana barangkali kita boleh menentukan bahawa daripada pengeluaran getah asli kita boleh menentukan quota eksport getah mentah dan juga quota eksport barang yang dibuat daripada getah. Jadi, yang penting di sini ialah supaya kita tidak menyerahkan nasib kita pada getah semata-mata.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1974 pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$600 juta kepada badan yang tertentu supaya badan ini membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil, getahnya disimpan kemudian dijual apabila harga getah di pasaran dunia telah naik. Dengan cara ini maka pekebun-pekebun kecil ini khususnya dapatlah harga barangkali menasabah, setimpal dengan kos pengeluarannya jikalau kita boleh fikirkan bahawa titik-peluh dia itu adalah juga kos pengeluaran. Tetapi di hari ini nampaknya Kerajaan tidak terus berusaha ke arah itu. Saya dengar bahawa di Kedah ada ura-ura demonstrasi akan berlaku sekali lagi. Jadi, bila berlaku demonstrasi sekali lagi barangkali ada juga yang akan ditahan di bawah ISA dan ada pulalah orang yang cedera dan harta barangkali rosak binasa. Jadi, sebelum perkara ini berlaku eloklah pada masa ini Kerajaan kembali kepada tindakan yang telah diambilnya pada tahun 1974 dan pastikan bahawa pekebun-pekebun kecil ini akan dapat pendapatan yang menasabah.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya melahirkan sokongan saya pada Belanjawan 1982.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

4.55 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Belanjawan negara tahun 1982 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat 23hb Oktober, 1981 yang baharu lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan bagi menyediakan, merancang dan menyusun Belanjawan negara tahun 1982 yang cukup sempurna dan sangat-sangat bernilai kepada seluruh rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesempurnaan dalam semua segi Belanjawan negara yang dibentangkan ini adalah menjadi bukti yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai matlamat untuk menentukan rakyat Malaysia ini supaya mendapat kesempurnaan dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat itu lebih sempurna lagi pada masa yang akan datang, saya mohon izin untuk memetik ada empat perkara pada pandangan saya. Pertama, membendung segala masalah dan melaksanakan segala projek dengan tujuan menjamin keselamatan dan keamanan serta ketenteraman rakyat negara ini. Yang kedua, membendung segala masalah dan melaksanakan segala projek dengan tujuan menyediakan peluang untuk rakyat negara ini mendapat rezeki yang halal dengan sebanyak-banyaknya mengikut ikhtiar yang semampu pada mereka. Yang ketiga, membendung segala masalah dan melaksanakan segala projek dengan tujuan supaya rakyat dapat beramal menunaikan perintah Allah dengan penuh kesempurnaan mengikut ugama mereka, khususnya yang beragama Islam. Dan keempat, membendung segala masalah dan melaksanakan segala projek dengan penuh usaha untuk tujuan menjamin kesempurnaan generasi rakyat negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan serba sedikit tiap-tiap satu perkara tersebut. Yang pertama, bagi

menyelesaikan masalah itu ialah menjamin keamanan dan keselamatan negara adalah banyak perkara yang mesti diberikan perhatian iaitu pasukan keselamatan dan pasukan keamanan kita mestilah disediakan dengan cukup sempurna segala perkara yang diperlukan termasuklah alat senjata yang sesuai dengan kemajuan dunia hari ini. Kesempurnaan tempat penginapan mereka dan keluarganya serta keselamatan pasukan keamanan kita adalah perlu sentiasa diawasi. Latihan-latihan yang diadakan dari semasa ke semasa adalah diperlukan untuk menyesuaikan mereka dengan kemajuan zaman. Bekas-bekas anggota pasukan keselamatan dan pasukan keamanan negara ini patut benar diberi perhatian dengan sepenuhnya sama ada yang akan bersara ataupun telah lama bersara.

Tuan Yang di-Pertua, usaha memainkan peranan di peringkat antarabangsa oleh pemimpin-pemimpin negara adalah amat perlu untuk menjamin keamanan dan keselamatan negara serta rantau ini. Oleh itu segala keperluan untuk membolehkan pemimpin-pemimpin kita berada di dalam keadaan yang selesa untuk mengambil bahagian diperingkat antarabangsa ini hendaklah disediakan dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan keselamatan ini bukan semata-mata bergantung kepada pasukan keselamatan dan pasukan keamanan sahaja ataupun pemimpin-pemimpin sahaja, tetapi ada banyak lagi bergantung kepada beberapa unsur-unsur yang lain, iaitu sikap rakyat dari semasa ke semasa perlu dibentuk. Oleh itu semua agensi Kerajaan yang memainkan peranan untuk membentuk sikap rakyat ini hendaklah diberi peruntukan yang memadai, di antara agensi-agensi Kerajaan itu termasuklah Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran serta Jabatan Kemajuan Masyarakat. Kita masih terdapat lagi alat-alat diperlukan oleh Jabatan Penerangan itu selalu uzur dan kadang-kadang tiada dapat digunakan mengikut keperluan semasa, dengan sebab itu kegiatan Jabatan ini kadangkala terganggu. Jabatan Penyiaran di bawah Kementerian Penerangan juga perlu diberikan alat-alat yang lebih sempurna terutama unit-unit untuk membuat rakaman

luar studio sangat kekurangan, yang ada itupun masih perlu lagi ditambah dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Masyarakat juga perlu mendapat tambahan kemudahan untuk menjalankan berbagai-bagai kegiatan bagi membentuk sikap rakyat. Di antara keperluan itu ialah menyediakan van ataupun kenderaan bagi tiap-tiap daerah supaya boleh dijadikan Unit Bergerak Jabatan Kemajuan Masyarakat di daerah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pentadbiran negara adalah satu daripada perkara penting yang membantu kita untuk menjamin keselamatan dan keamanan negara ini kerana segala kemudahan yang boleh didapati oleh rakyat itu menjadi batu penghalang kepada musuh negara untuk mengganggu ketenteraman, oleh itu izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah atau Pejabat-pejabat Jajahan. Pentadbiran Pejabat Daerah atau Pejabat Jajahan ini adalah dicipta oleh penjajah di waktu keadaan negara belum membangun dan rakyat di sesebuah daerah pada masa itu tidaklah ramai bilangannya, tetapi hari ini pembangunan yang begitu pesat, perkembangan penduduk sangat menggalakkan hingga sesebuah daerah itu mengandungi beratus ribu penduduk. Pejabat Daerah sentiasa penuh sesak dan pegawai-pegawai yang bertugas sentiasa sibuk, dengan itu ramailah rakyat tidak dapat membereskan urusan mereka jika ianya sekali sahaja bagi menyelesaikan sesuatu masalah itu datang ke Pejabat Daerah.

Oleh itu saya suka mengesyorkan supaya pentadbiran Pejabat Daerah itu dikaji semula dan jika perlu eloklah diubah suai, iaitu tiap-tiap mukim dijadikan sebuah daerah kecil dan disediakan pejabat yang diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Daerah dengan dilengkapi pegawai-pegawai yang bertugas yang sesuai dengan tugas yang berkenaan. Di pejabat ini bolehlah rakyat tempatan membuat urusannya seperti membayar cukai tanah, menguruskan hal-hal lesen tumpangan sementara dan lain-lain perkara yang difikirkan sesuai, dengan ini dapatlah kita membawa pentadbiran Kerajaan lebih dekat

kepada rakyat. Selain daripada itu pada masa ini tiap-tiap mukim telah ada pusat-pusat perkembangan pertanian, pusat-pusat kesihatan dan berbagai jabatan-jabatan lain telah diadakan di peringkat mukim, tetapi bagi menyelaraskannya tidak ada satu pentadbiran yang teratur di peringkat mukim pada masa ini. Oleh itu apabila ada Pejabat Daerah Kecil yang ada di peringkat mukim ini maka dapatlah Pejabat-pejabat Kerajaan dan Jabatan-jabatan serta Perbadanan-perbadanan yang ada di peringkat mukim itu diselaraskan tugas mereka untuk menyenangkan rakyat bagi melaksanakan keperluan mereka dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini urusan rakyat berkenaan dengan pembangunan kecil pun terpaksa mereka pergi ke Pejabat Daerah yang mana jauhnya hingga 20-30 batu dari kampung mereka. Apabila Pejabat Daerah di peringkat mukim ini dapat diwujudkan, maka Pejabat Daerah yang sedia ada itu bolehlah menjadi pejabat induk bagi sesebuah daerah untuk menguruskan perkara-perkara yang besar-besar sahaja seperti pengeluaran tanah dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu. Untuk meneliti pandangan saya seorang Wakil Rakyat yang dari kampung ini maka pihak MAMPU adalah diharapkan membuat kajian yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, proses pentadbiran yang terlampau banyak lapis adalah juga boleh lewat-lewatkan urusan rakyat dan kadangkala urusan-urusan itu belum selesai, rakyat yang berkenaan telah pun meninggal dunia. Perkara ini selalu berlaku di Pejabat-pejabat Tanah terutama dalam masalah hendak menyelesaikan kuasa warisan bagi harta pesaka seseorang keluarga yang telah meninggal dunia. Oleh itu perkara ini juga patut diambil perhatian berat bagi menjamin ketenteraman di dalam sesebuah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membincangkan masalah menjamin keamanan, keselamatan dan ketenteraman rakyat di negara ini bukanlah semata-mata terletak kepada pentadbiran dan rakyat biasa sahaja tetapi juga pihak-pihak yang terpenting dan lebih bertanggungjawab di dalam negara ini hendaklah diberikan perhentian dengan

penuh teliti. Satu daripadanya ialah masalah memahamkan isi-isi Perlembagaan Negara dan kuasa-kuasa yang diberi oleh Perlembagaan itu kepada pihak-pihak yang tertentu supaya ianya betul-betul sesuai dengan keadaan negara hari ini, pendek kata zaman Hang Tuah dahulu undang-undang di mulut seseorang tetapi pada hari ini undang-undang semuanya telah bertulis dan tidaklah boleh dibuat sesuka hati oleh sesiapa pun. Jika Perlembagaan Negara ini tidak difahami betul-betul adalah juga boleh menimbulkan perkara-perkara yang boleh menjadi bibit untuk menggugat keamanan dan keselamatan serta ketenteraman pemerintahan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat melalui berbagai-bagai jurusan hendaklah dipergiatkan lagi. Unsur-unsur yang boleh memecah belahkan perpaduan rakyat hendaklah diberi perhatian berat dan tindakan yang tegas perlu dijalankan dengan segera. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru hendaklah dijamin pelaksanaan berjalan dengan lancar. Segala rupa gangguan mengenainya hendaklah dipatahkan dengan segera. Jika difikir dengan teliti matlamat kita hendakkan hak ekonomi orang Melayu dan bumiputera dalam negara ini sekurang-kurangnya 30% pada masa yang tertentu adalah kurang mencukupi, oleh itu rakyat pada hari ini mengharap supaya quota ini ditambah lagi sekurang-kurangnya menjadi 50%.

Tuan Yang di-Pertua, ketegasan pemimpin-pemimpin Kerajaan bagi melaksanakan undang-undang adalah sangat-sangat dihargai oleh rakyat. Mengekal dan melaksanakan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu adalah sangat perlu. Jika keselamatan negara terjamin, keamanan berkekalan dan ketenteraman rakyat sentiasa ada tentulah semua penduduk negara ini sama ada rakyat ataupun bukan adalah dapat hidup dengan penuh kebahagiaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk masalah yang kedua, iaitu menyediakan peluang kepada rakyat untuk mendapat rezki yang halal dengan sebanyak-banyaknya mengikut

kemampuan ikhtiar mereka hendaklah diambil perhatian di dalam banyak perkara, di antaranya ialah usaha untuk memodenkan pertanian di negara ini dan menampung segala reaksi yang timbul daripadanya. Dalam masalah ini tidak siapa pun dapat menafikan usaha Kerajaan yang begitu gigih untuk memodenkan sektor pertanian ini dan hasilnya telahpun dapat dinikmati oleh rakyat berkenaan. Dalam pada itupun kita masih perlu lagi usaha-usaha yang lebih gigih dan teratur hendaklah dibuat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memodenkan sektor pertanian ini, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini satu daripada pertanian yang penting di negara ini ialah bersawah padi. Kita semua terdapat di akhbar-akhbar menunjukkan rungutan rakyat yang mengatakan sesuatu kawasan itu kekeringan air, Kita juga sedar bahawa semua parit, taliair dan berbagai jenis saluran air telah disediakan tetapi yang malangnya ialah air yang hendak disalurkan itu tidak mencukupi. Adakah negara kita kurang mendapat hujan? Jawabnya kita semua mengatakan tidak. Tetapi apakah sebabnya kita kekurangan air. Ini yang menjadi persoalan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini timbul ialah kerana terdapat kurang persediaan kita bagi menyediakan takungan air yang sempurna. Di kawasan perairan Tanjung Karang misalnya yang meliputi daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam masih menerima takungan air yang tersedia daripada zaman penjajah dahulu, kurang benar usaha untuk menambah sempurna takungan air tersebut. Oleh itu, pada masa ini keperluan air untuk persawahan di situ sentiasa tidak mencukupi dan itulah sebabnya musim turun ke sawah di kawasan yang tersebut terpaksa diadakan beberapa peringkat yang berbeza di antara satu kawasan dengan lain-lain kawasan. Lebih jelas saya katakan persawahan di Tanjung Karang telah terbahagi kepada empat peringkat yang mana kawasan itu dipecahkan kepada empat kawasan. Dengan adanya perbezaan masa untuk turun ke sawah dari satu tempat ke satu tempat ini timbullah berbagai-bagai masalah di antaranya ialah masalah hendak

memusnahkan musuh padi kerana musuh itu senang berpindah mengikut di mana mudah dia berlindung dan sebab itulah pokok-pokok padi yang terdiri daripada beribu-ribu ekar di kawasan yang berkenaan, di kawasan yang menjadi sempadan berbeza penanaman padi ini kebanyakannya musnah disebabkan oleh musuh-musuh padi tersebut yang modal rakyat, tenaga rakyat dan berbagai-bagai bantuan Kerajaan untuk membuat sawah di situ tidak mendatangkan hasil yang memuaskan dan perkara ini merupakan halangan kepada usaha kita hendak menyediakan peluang kepada rakyat supaya mereka mendapat rezeki yang halal dengan sebanyak-banyaknya. Saya mengharapkan pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan dengan segera bagi mengatasi takungan air ini untuk membolehkan rakyat turun ke sawah dengan serentak dan mudahlah mereka memusnahkan musuh padi itu.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa anak sungai yang dicipta daripada kawasan takungan air itu untuk membuang air dalam takungan terus ke laut kerana ditakuti benteng yang sedia ada itu pecah kononnya manakala air banyak. Bukan benteng itu yang mesti dibuat dengan sebaik-baiknya tetapi air pula yang dibuang ke laut sedangkan air itu amat diperlukan oleh pesawah-pesawah. Oleh itu, sekali lagi saya merayu supaya benteng itu ditinggikan dengan setinggi-tinggi yang boleh supaya segala air hujan yang turun di kawasan yang berkenaan dapat ditakung untuk digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan oleh pesawah-pesawah di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara persawahan di Tanjung Karang ini hanya satu daripada masalah persawahan di negara kita selain daripada memodenkan sektor pertanian ini, ada banyak lagi perkara yang perlu diusahakan untuk menyediakan peluang kepada rakyat bagi mencari rezeki yang halal dengan sebanyak-banyaknya.

Dalam masalah memasarkan hasil pertanian yang berbagai-bagai jenis di negara ini kita perlu mengambil perhatian dengan

serius kerana usaha kita di lapangan ini belum memuaskan lagi walaupun kita telah ada berbagai-bagai perbadanan yang memainkan peranan di lapangan ini. Undang-undang yang mengenai perbadanan-perbadanan yang berkenaan ini patutlah dikaji dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ialah undang-undang yang mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara. Lembaga ini hanya bertanggungjawab membeli padi di pintu gudang sahaja tetapi mengiktiraf pembelian yang dibuat oleh wakil-wakilnya di tempat-tempat yang jauh daripada gudang. Dengan itu timbullah masalah yang mengelirukan. Padi yang telah dibeli oleh LPN menjadi hal LPN oleh wakil LPN tetapi di bawah tanggungjawab petani pula untuk mengangkut daripada pusat-pusat pembelian ke gudang LPN. Dengan kekeliruan tanggungjawab ini banyaklah padi menjadi musnah dan LPN terpaksa berikhtiar untuk menampung kerugian berbagai-bagai hal yang telah berlaku dalam proses pemasaran padi di kawasan persawahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan salah LPN dan bukan juga salah petani tetapi di mana silapnya undang-undang ini hingga timbul masalah yang demikian itu. Saya mewakili pesawah-pesawah tersebut minta supaya pihak yang bertanggungjawab membetulkan perkara ini agar urusan pemasaran yang dibuat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ini tidak merugikan mana-mana pihak pun. Apa yang dikehendaki oleh petani ialah LPN bertanggungjawab sepenuhnya daripada pusat-pusat pembelian padi dan tidaklah harga padi terpaksa dipotong kerana kos pengangkutan padi kepunyaan LPN. Keperluan pengangkutan juga mudah diatasi jika ini menjadi tanggungjawab LPN sendiri dan kita percaya kerosakan padi di dalam pemasaran ini juga dapat dikurangkan, potongan daripada timbangan padi petani juga dapat dikurangkan. Dengan ini ternyatalah ikhtiar kita untuk menambah pendapatan rakyat telah berjaya dan menguatkan ekonomi negara di lapangan pengeluaran hasil padi juga padi bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengesyurkan supaya kompleks mengering padi LPN ditambah lagi dan didirikan di tempat-tempat yang sesuai. Dengan bertambahnya Kompleks Padi LPN ini tentulah dapat mengurangkan lagi masalah pengangkutan dan lebih menjamin keselamatan padi yang telah dibeli oleh LPN. Saya memberi pujian kepada LPN di atas daya usaha pegawai dan kakitangannya di segenap peringkat yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menolong pesawah-pesawah di dalam berbagai-bagai masalah pemasaran padi termasuk menguruskan pengangkutan walaupun dalam undang-undang hal ini bukan tanggungjawab pegawai-pegawai LPN.

Tuan Yang di-Pertua, Tuhan telah menurunkan rezeki di merata pelusuk dunia ini termasuklah juga di laut dan di darat. Oleh itu, Kerajaan kita telah pun berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat kita memungut rezeki tersebut tetapi kaum nelayan kita selalu dirundung malang, sudahlah hasil tangkapan mereka tidak memuaskan kerana bahan-bahan itu memang telah merosot dari semasa ke semasa ditambah pula oleh tindakan lanun yang terdiri daripada berbagai-bagai bentuk. Walaupun hari ini lanun-lanun tersebut telah berkurangan tetapi usaha-usaha kita bagi menjamin keselamatan nelayan ini perlu ditambah lagi.

Dalam membincangkan hasil tangkapan nelayan kita yang selalu merosot dari semasa ke semasa dapatlah kita memastikan bahawa bahan-bahan tangkapan itu sangat berkurangan. Apakah ikhtiar kita secara langsung atau tidak langsung supaya bahan-bahan tangkapan itu iaitu ikan, udang dan lain-lain lagi dapat dibiakkan dengan seberapa cepat yang boleh? Jika tanaman boleh kita bagi benih yang baik dan baja yang sesuai tetapi jika ikan di laut apa pula perlu dibuat supaya ianya membiak dengan cepat supaya menjadi lumayan kepada nelayan-nelayan bagi mencari rezeki mereka.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita belum terdapat lagi ikhtiar-ikhtiar Kerajaan bagaimana hendak membiakkan ikan di laut. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pakar-pakar perikanan

kita membuat kajian dan bertindak dengan segera bagi mengatasi masalah ini dan dapat mencari jalan apakah usaha-usaha supaya ikan pantai kita dapat lebih banyak daripada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan ikan air tawar atau ikan darat pada masa ini telah menghadapi berbagai kesulitan. Satu daripadanya ialah kemusnahan anak-anak ikan disebabkan oleh penggunaan berbagai racun dan baja oleh pihak petani. Hal ini juga perlu diambil perhatian sebagaimana patut dibuat supaya berbagai jenis baja dan racun yang digunakan oleh petani-petani tidak memusnahkan anak-anak ikan yang telah menjadi tradisi ada di kawasan-kawasan pertanian pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memodenkan sektor pertanian dan pemasaran, ada banyak lagi perkara yang perlu diambil perhatian dengan bersungguh-sungguh, di antaranya ialah perusahaan kecil di luar bandar dan dalam bandar. Oleh itu, satu usaha yang khusus untuk perusahaan atau industri yang merupakan kilang-kilang di luar bandar adalah sangat dikehendaki selain daripada hendak menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat adalah juga untuk mengelakkan belia-belia kita daripada berhijrah daripada kampung ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Industri-industri ini juga patut digalakkan untuk memproses bahan-bahan tempatan yang boleh pula menolong rakyat untuk menaikkan harga barang-barang keluaran mereka. Industri-industri yang memproses hasil pertanian iaitu kelapa, koko dan lain-lain lagi adalah sangat berkurangan pada masa ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu bagi pihak petani-petani supaya pihak yang bertanggungjawab berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mengadakan industri di luar bandar untuk memproses kelapa, koko dan lain-lain supaya pasaran bahan-bahan itu dapat meningkat dan rezeki rakyat di kawasan pertanian tersebut dapat bertambah sebagaimana yang dihajati oleh Kerajaan kita.

Usaha-usaha untuk menarik pelabur tempatan dan pelabur luar negeri untuk menanam modal bagi mendirikan berbagai

industri di luar bandar adalah perlu diteruskan dan digiatkan lagi dari semasa ke semasa. Kita telah maklum bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telah menyediakan tanah untuk kawasan industri ini, di antara negeri-negeri tersebut ada yang menyediakan kawasan industrinya pada tiap-tiap daerah. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab di peringkat Kerajaan Persekutuan hendaklah menggunakan kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, mengawal kekayaan negara yang boleh didapati daripada hasil semula jadi iaitu bijih timah, minyak petrol dan lain-lain lagi hendaklah dibuat dengan teliti bak kata pepatah jimat sementara belum habis, adalah baik sekali kekayaan negara ini dapat dibahagikan kepada rakyat dengan adil dan menyeluruh. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan perkara ini dapat ditunaikan adalah baik usaha-usaha memproses hasil kekayaan negara ini terus diberikan kepada perbadanan-perbadanan ataupun syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan agar tidak lagi patut diberikan kepada orang-orang perseorangan seperti zaman penjajahan dahulu. Pengeluaran tanah pertanian juga patut dikaji walaupun hal ini urusan Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat boleh memainkan peranan untuk menyediakan satu dasar iaitu tanah-tanah pertanian eloklah diberikan kepada perbadanan-perbadanan seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain lagi. Perkara ini perlu dipertimbangkan dengan teliti kerana negara kita kecil, tanahnya tidak begitu luas dan rakyat pula bertambah dengan pesatnya. Pada hari ini pun sebahagian besar rakyat negara ini tidak mempunyai tanah. Jika pemberian tanah secara hak individu sekarang ini masih diteruskan, kita akan sampai kepada satu peringkat ketandusan tanah dan timbullah masalah pada masa itu tidak terkajang batu di pulau, dalam melayankan kehendak rakyat memerlukan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah berusaha mati-matian untuk mengikhtikarkan supaya rakyat mendapat peluang mencari rezeki yang halal dengan banyak mengikut ikhtiar yang termampu oleh mereka tetapi masih ada suara yang mengatakan ada rakyat kita yang papa-kedana. Apakah ertinya perkataan papa-kedana ini dalam istilah yang

sebenarnya dan bagaimana keadaan rakyat yang hidup dalam papa-kedana mengikut istilah yang betul? Jika perkataan miskin digunakan saya dengan senang hati menerimanya tetapi papa-kedana ini pada fahaman saya adalah amat dahsyat. Oleh itu, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri kita yang bertanggungjawab dalam masalah ekonomi rakyat supaya menegaskan keadaan yang sebenarnya rakyat kita, ada atau tidak yang papa-kedana mengikut ertikata yang sebenarnya seperti yang disuarakan oleh wakil Baling di Dewan yang mulia ini. Saya tidak nampak adanya rakyat negara ini yang papa-kedana kerana usaha Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang cacat pun diberi pembelaan, diberi latihan tetapi bagaimana rakyat yang dikatakan papakedana oleh wakil Baling itu. Kita tidak mahu rakyat negara ini keliru dengan hujah-hujah yang dikeluarkan di Dewan ini. Oleh itu, penjelasan mengikut kamus, mengikut istilah yang tepat ada atau tidak rakyat yang papa-kedana.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan pertanian, pusat-pusat pekerjaan di ladang-ladang masih kekurangan buruh, masih memerlukan pekerja-pekerja. Oleh itu, jika ada rakyat yang papa-kedana yang mempunyai tenaga yang mahu bekerja eloklah dipelawa mereka untuk bekerja di tempat yang berkenaan, tetapi kalau orang yang begitu keadaannya memilih pekerjaan mengikut kehendak mereka, mengikut sesuka hati mereka dan dihasut pula oleh pihak-pihak yang berkenaan, adakah ini boleh diterima sebagai segolongan rakyat yang dinamakan papakedana? Dunia akan meninjau pendapat seorang manusia dalam negara kita yang bertaraf pemimpin mengeluarkan perkataan rakyat negaranya sendiri papa-kedana sedangkan dia bersenang-lenang di tempat-tempat yang berkenaan. Ini yang kita hairankan, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya pemimpin-pemimpin kita, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tentulah tidak nampak, tidak terjumpa rakyat yang papakedana kerana kita telah berusaha menghapuskan kemiskinan dengan sepenuh tenaga dan dengan sedaya-upaya. Apa yang kita ketahui peratus kemiskinan telah

menurun dan ini menunjukkan papa-kedana itu telah tidak ada lagi dalam negara kita. Walau bagaimanapun, ketegasan amatlah diperlukan bagi menghilangkan kekeliruan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ketiga ialah menyediakan segala kemudahan yang sempurna untuk rakyat menunaikan perintah Allah mengikut panduan dari pelajaran agama khususnya yang beragama Islam. Kita cukup sedar bahawa segala macam projek telah diberi bagi memenuhi kehendak itu tetapi usaha-usaha yang lebih berkesan hendaklah dijalankan supaya usaha Kerajaan itu tidak dijadikan bahan perpecahan umat Islam di negara ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan bagi kepentingan diri mereka dan kepentingan parti mereka tanpa memikirkan buruk baiknya kepada bangsa dan agama di negara ini.

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu boleh mengelirukan sebahagian kecil umat Islam di negara ini sehingga mereka itu tidak menghargai usaha-usaha untuk membela nasib mereka yang dibuat oleh Kerajaan daripada punca kekayaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah ini banyak bergantung di bawah Kerajaan Negeri, tetapi pihak-pihak yang berkenaan di Kerajaan Pusat boleh memainkan peranan untuk menyelaraskan pentadbiran hal-hal ini di seluruh negara. Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab untuk melicinkan proses pembinaan masjid, surau dan lain-lain lagi rumah ibadat hendaklah mengambil berat dan rakyat tidak mahu melihat adanya pembinaan yang berkenaan ini terbengkalai hingga bertahun-tahun dan disiarkan pula menjadi bahan-bahan siaran akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu guru-guru sukarela yang mengajar pelajaran Ugama Islam di kampung-kampung bergantung nafkah hidupnya kepada harta kepunyaannya sendiri dan menghempas tulang empat kerat untuk mencari rezeki di samping itu mereka berkorban bagi mengembang Ugama Islam dan meninggikan syiar Islam di negeri ini. Tetapi alhamdulillah

pada hari ini telah ada jabatan yang membela mereka dan memberikan galakan untuk guru-guru sukarela itu terus berkhidmat dengan lebih giat lagi dengan memberikan beberapa perkara yang berfaedah kepada mereka untuk membela nasib mereka dan menggalakkan mereka bergerak lebih cergas lagi bagi meninggikan syiar Islam dalam negara ini.

Sukacita saya mengesyorkan supaya Jabatan yang berkenaan ini menambah usaha lagi untuk menyelaraskan kegiatan guru-guru Ugama Islam yang sukarela ini dalam perancangan yang lebih luas lagi. Dengan ini secara langsung anasir-anasir yang menggunakan isu Ugama Islam untuk memecah-belahkan masyarakat Islam di negara ini bagi kepentingan diri dan kepentingan parti politik mereka dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah secara langsung meninggikan syiar Islam selain daripada menguruskan dan menyelesaikan segala masalah rakyat untuk menunaikan fardhu haji pada tiap-tiap tahun dan ianya juga adalah menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi. Oleh itu, saya mengharapkan semua Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta Kerajaan Negeri supaya memberikan segala kemudahan untuk Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini melaksanakan kegiatan di segi ekonomi mereka. Dengan kemajuan dan kejayaan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini secara langsung meninggikan syiar Islam di negara kita selain daripada masalah pentadbiran urusan rakyat untuk menunaikan fardhu haji, mereka juga dapat meninggikan taraf ekonomi umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini mendapat kerjasama dan bantuan daripada semua pihak yang diperlukannya, saya percaya Lembaga ini akan dapat pula memberikan beberapa kemudahan yang lebih lagi kepada bakal-bakal haji kita, bahkan juga boleh memberikan peluang ramai rakyat yang bertugas dengan Lembaga ini untuk menunaikan fardhu haji di samping melaksanakan tugas-tugas mereka dalam Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang akhir iaitu masalah yang keempat ialah menjamin kesempurnaan masa depan generasi kita yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan kaum dalam negara ini. Untuk menyelesaikan masalah ini bukan sahaja kita memikirkan keperluan seseorang kanak-kanak yang telah sedia ada, tetapi kita terpaksa memikirkan dan menyediakan keperluan untuk bayi-bayi yang masih lagi di dalam kandungan ibunya. Walaupun pada masa ini kita telah menyediakan keperluan-keperluan tersebut, tetapi masih banyak lagi yang perlu ditambah, di antara perkara-perkara yang tersebut termasuklah urusan dan alat-alat yang mengenai usaha-usaha untuk menjamin kesihatan. Dalam masalah yang penting ini kita terdapat sedikit kelemahan di beberapa kawasan tertentu dalam negara ini. Misalnya, hospital Tanjong Karang, yang mana daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor menggunakannya hampir 400,000 rakyat di kawasan itu tetapi hanya 2 orang doktor sahaja bertugas pada hari ini. Oleh itu, kita mengharapkan pihak yang berkenaan supaya dapat menyediakan doktor ini menambah seberapa yang boleh dengan tidak mengganggu pula hospital-hospital yang lain dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hospital ini ada lagi sebuah hospital yang berdekatan di situ yang sedang dirancangan dan sedang diatur iaitu Hospital Daerah Sabak Bernam.

Saya dapati di dalam peruntukan pada tahun ini hanya peruntukan asas sahaja diberi, jadi kemungkinan besar Hospital Daerah Sabak Bernam ini tidak dibina pada tahun 1982 kerana tidak ada peruntukan bagi diberikan dalam perkara ini, sedangkan lebih 200,000 rakyat di kawasan itu sudah beberapa tahun mendengar ura-ura Kementerian ini bagi mendirikan sebuah hospital di daerah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini kerana kawasan pilihanraya Parlimen Tanjong Karang 2/3 daripadanya ialah masuk ke Daerah Sabak Bernam, oleh itu rakyat tersebut sentiasa bertanya tanah yang telah disediakan, tetapi hospital yang

berkenaan bayang pun belum timbul lagi. Saya bertanya kepada pihak yang berkenaan jawabnya dalam proses. Oleh itu, apa yang saya harapkan proses ini dapatlah disegerakan semampu yang boleh. Saya mengharapkan kelemahan seperti ini patut diatasi dengan segera demi kepentingan generasi yang sedia ada dan juga generasi yang akan datang. Masalah kesihatan ini adalah menjadi unsur yang penting untuk menentukan seseorang rakyat kita mempunyai fikiran yang cergas kerana otak yang cergas itu berada pada badan yang sihat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain-lain perkara yang perlu untuk menjamin generasi yang akan datang termasuklah keperluan pelajaran. Di dalam perkara ini pun kita telah banyak membuat persediaan, tetapi masih juga terdapat sedikit kelemahan di beberapa tempat dalam negara kita ini. Sebagai contoh pembinaan Sekolah Kebangsaan di Binjai Patah, Sungai Panjang, dalam kawasan Pilihanraya Parlimen Tanjong Karang telah 2-3 tahun peruntukan diluluskan, tetapi sampai hari ini bayang pun belum ada sekolah tersebut. Maka kanak-kanak di kawasan itu terpaksa dihantar oleh ibu bapanya begitu jauh sekali mendapatkan pelajaran di Sekolah Rendah. Peruntukan bagi membina sekolah ini telahpun diluluskan beberapa tahun yang lalu oleh kerana kita mahu generasi yang akan datang cukup sempurna, secara menyeluruh maka bangunan-bangunan sekolah seperti ini hendaklah diambil berat dan dibuat tindakan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsur pendidikan dan pembelajaran kepada generasi kita hendaklah sentiasa dikaji supaya mereka dapat bersefahaman dan mempunyai ilmu yang sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi. Kepada generasi yang beragama Islam hendaklah diberi tambahan dalam asuhan yang berunsurkan fahaman keislaman supaya generasi yang akan datang mempunyai semangat yang lebih kukuh dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Islam dan pada masa itu kelak tidaklah lagi timbul perkara-perkara yang tidak diingini. Buat kata pepatah: Jika hendak melentur buluh eloklah

dari rabung lagi, jika sudah menjadi aur susahlah hendak melenturnya.

Pentadbiran pelajaran dan pembelajaran di negara kita perlu diperkembangkan lagi. Pada masa ini kegiatan sekolah-sekolah swasta telah mula berkembang di kawasan-kawasan luar bandar dengan mencipta nama yang manis-manis, institut itu dan institut ini. Kerajaan perlu mengadakan pengawasan di sekolah-sekolah swasta ini kerana institusi masyarakat belia yang luhurkan pelajaran itu akan digunakan kelak oleh pihak-pihak yang kurang bertanggungjawab untuk faedah golongan yang tertentu ataupun untuk faedah orang-orang perseorangan dengan merugikan anggota masyarakat secara langsung ataupun tidak langsung.

Pentadbiran sekolah-sekolah agama Islam di negara kita masih lagi berlainan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Berlainan kurikulumnya, berlainan sukatan pelajarannya dan beberapa perkara lagi juga berlainan. Saya mengharapkan satu usaha yang berkesan hendaklah dibuat bagi menyelaraskan pentadbiran sekolah-sekolah agama Islam di seluruh negara ini supaya kelulusannya dapat diiktiraf sebagai satu pelajaran yang diakui oleh peringkat kebangsaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengawasan penuntut-penuntut negara kita di negara-negara asing amat perlu dibuat dengan satu cara yang berkesan. Oleh itu saya sukacita mengesyorkan iaitu tiap-tiap pejabat Kedutaan kita di negara-negara asing yang masih belum lagi mempunyai satu unit pengawasan pelajaran atau satu unit yang boleh dinamakan Jabatan Pelajaran di luar negeri supaya diadakan di tiap-tiap Kedutaan kita di negeri asing yang berkenaan khusus untuk menghubungi penuntut-penuntut di negeri berkenaan dan menghubungi institusi pelajaran di tempat penuntut-penuntut kita sekurang-kurangnya dapat mengetahui perkembangan kemajuan pelajaran ataupun dapat membantu penuntut-penuntut kita mengatasi masalah yang perlu diatasi di negara yang berkenaan dengan segera. Kegiatan-kegiatan kelab penuntut kita di negara-negara asing juga patut diketahui oleh Jabatan ini supaya tidak bercanggah dengan kepentingan dan dasar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, urusan ini tentulah membebaskan kita untuk menyediakan kewangan lebih banyak daripada hari ini. Tetapi untuk kepentingan generasi kita, terpaksa kita usahakan seberapa yang terdaya.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan di sini kesempurnaan peruntukan kewangan negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia pada 23hb. Oktober, 1981 yang lalu adalah satu peruntukan yang cukup sempurna yang mana bertujuan sebagaimana yang saya katakan tadi untuk menempatkan rakyat negara kita ke satu tahap yang sempurna iaitu supaya menjadi manusia yang sempurna di dunia dan akhirat. Oleh itu sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1982 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.42 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan 1982 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan kakitangan di Kementeriannya yang begitu bijak menyediakan Belanjawan negara dengan tidak membeban dan memeranjatkan rakyat. Sebelum Belanjawan 1982 diumumkan, rakyat rasa gelisah kerana dalam keadaan inflasi, aliran wang dalam ekonomi berlebihan jika dibandingkan dengan jumlah barangan. Jadi langkah yang biasa diambil adalah dengan mengenakan cukai. Tetapi setelah dibentangkan pada 23hb Oktober rakyat merasa lega dan memuji Kerajaan Barisan Nasional. Dapat dikatakan seluruh rakyat jelata menyambut Belanjawan 1982 dengan begitu bergembira.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan telah mengurangkan cukai import ke atas banyak barang-barang pengguna seperti periuk nasi elektrik, dapur gas, cerek elektrik, kipas angin dan sebagainya tetapi saya berpendapat yang paling mustahak

adalah barang-barang makanan seperti gula, susu, minyak masak, bawang, cili, sayur, daging, ikan, buah-buahan dan lain-lain. Saya berharap Kerajaan dapat berusaha menurunkan lagi harga barang-barang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat mengecualikan cukai kepada alat-alat kegunaan bagi orang-orang cacat seperti kereta sorong, tangan palsu, kaki palsu, alat-alat pendengaran, kereta sakit dan mesin buah pinggang, kerana kita tahu alat-alat inilah yang sangat diperlukan oleh orang-orang cacat dan Malaysia adalah sebuah negara yang sangat mengambil berat kepada orang-orang cacat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan galakan yang diumumkan iaitu meminta rakyat menyimpan sedikit sebanyak pendapatan mereka terutama sekali di dalam Bank Simpanan Nasional kerana dikecualikan dari cukai pendapatan, tidak kira berapa jumlahnya. Simpanan juga digalakkan di dalam koperasi-koperasi, Bank Pertanian, Tabung Haji dan Malaysia Building Society Berhad kerana cukai pendapatan dikecualikan sehingga \$10,000. Selain daripada itu simpanan juga digalakkan dalam bank-bank perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, dari tinjauan dalam akhbar-akhbar, rencana-rencana dan komen-komen mengenai reaksi orang ramai terhadap Belanjawan 1982, saya dapati ramai yang menyokong Belanjawan tersebut. Di sebalik itu ada juga golongan tertentu termasuk juga pihak Pembangkang memperkecilkan usaha-usaha Kerajaan dengan mengatakan Belanjawan tersebut adalah Belanjawan pilihanraya. Selain dari itu ada juga komen yang menyatakan Kerajaan tidak menjelaskan beberapa hal yang berkaitan. Sebagai contohnya sama ada lensa, filem dan lampu flash termasuk dalam takrif kamera di mana cukai dimansuhkan. Ada juga badan yang berpendapat bahawa Belanjawan 1982 tidak dapat mengawal akibat kelembapan ekonomi. Saranan negatif seperti ini harus diketepikan, kerana sikap sedemikian tidak dapat memperbaiki keadaan ekonomi. Apa yang harus difikirkan adalah untuk menaikkan productivity individu dengan be-

kerja lebih gigih lagi. Jadi pada hemah saya Belanjawan 1982 adalah sangat memuaskan dan satu Belanjawan yang paling baik yang belum pernah rakyat menikmati.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara dalam dunia ini. Kadar pertumbuhan ekonomi bukan sahaja bergantung semata-mata di atas kejayaan yang dicapai dalam negara ini malah faktor-faktor lain juga akan memberi kesan-kesan tertentu. Oleh kerana itu walaupun anggaran kadar pertumbuhan ekonomi pada tahun 1981 dijangka 7.6% tetapi pada hakikatnya hanya 6.8% sahaja. Saya rasa keadaan ini tidak dapat dielakkan memandangkan bukan sahaja Malaysia tetapi di dunia ini mengalami masalah kemelesetan ekonomi, inflasi dan tidak mempunyai pekerjaan. Walau bagaimanapun jika kita meneliti prestasi ekonomi negara kita dapat dikatakan bahawa bukan sahaja kita dapat mempertahankan keadaan kemelesetan ekonomi malah kita telah mengatasi dua masalah penting iaitu pertama: inflasi di mana negara ini mengalami lebih kurang 10% manakala kebanyakan negara-negara lain termasuk juga negara-negara yang telah membangun seperti Amerika Syarikat dan Britain mengalami inflasi sekurang-kurangnya 12%. Kedua, adalah mengenai masalah tidak mempunyai pekerjaan di mana Kerajaan berjaya menurunkan kadarnya kepada 5.2% tahun ini. Ini bermakna lebih ramai rakyat dapat bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dari pengalaman ini saya berharap kita telah menjadi lebih matang dan mempelajari satu perkara penting iaitu kita mesti berdikari. Ekonomi negara kita tidak harus bergantung kepada faktor-faktor luar, kalau boleh. Usaha demikian dapat mengasingkan ekonomi negara ini secara tersendiri. Dengan demikian ekonomi negara ini tidak akan ditiup ke kanan atau ke kiri dalam menghadapi tekanan-tekanan luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Belanjawan 1982 adalah dibuat dengan bertujuan self-reliance dan saya berharap agar Belanjawan seperti ini dikekalkan di masa akan datang, kalau boleh dan sekiranya tidak boleh, membuat perubahan-perubahan yang diperlukan sahaja

supaya dapat Kerajaan mengeneipkan tuduhan yang menyatakan Belanjawan 1982 adalah Belanjawan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hairan apa Pembangkang kata kerana kerja Pembangkang ialah membangkang. Kalau Kerajaan Barisan Nasional membuat bagaimana baik sekali pun, membuatkan mahligai indah mereka tetap membangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah membentangkan satu Belanjawan yang begini baik mereka kata Belanjawan Pilihanraya hendak memancing undi. Kalau kita naikkan cukai mereka akan mengata Kerajaan menindas rakyat, semua tidak kena. Biarlah mereka kata apa sahaja asalkan rakyat puashati. Apa yang kita mahu rakyat puashati.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pertanian. Pertanian adalah tulang belakang negara. Saya berpendapat adalah tidak benar sekali mengenai satu kenyataan dari satu badan tertentu berkenaan bahawasanya Kerajaan semasa membentangkan Belanjawan 1982 tidak mengambil berat tentang pengeluaran makanan dan sistem pemasaran. Dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, beliau ada menyebut bahawa sektor pertanian akan diberi keutamaan di mana \$2,027 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan, dari \$6,640 juta untuk sektor ekonomi. Ini merupakan 30.53% dari peruntukan pembangunan sektor ekonomi. Selain dari itu \$180 juta telah diperuntukkan untuk mendapatkan baja dan input-input yang lain. Ini akan membolehkan 300,000 petani menambah pengeluaran dari 1,260,000 ekar tanah.

Kerajaan juga sedar bahawa sektor pertanian mengalami kekurangan tenaga pekerja. Satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menukar corak pertanian ke arah penggunaan lebih banyak jentera-jentera moden. Langkah Kerajaan untuk menghapuskan atau mengurangkan cukai import jentera-jentera pertanian dan sekatan quantitative diketepikan menunjukkan bahawa Kerajaan mengambil berat tentang pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya rasa kemudahan-kemudahan perlu disediakan untuk menentukan supaya usaha-usaha Kerajaan tidak disia-siakan. Di antara perkara-perkara yang perlu ditinjau ialah memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani untuk menyemai, menajak, menanam, menuai dan mengeringkan padi hinggalah menjadi beras. Di dalam hal ini Bank Pertanian, MADA dan lain-lain badan yang berkaitan dengan pengeluaran beras hendaklah membuat penyesuaian-penyesuaian tertentu untuk mempercepatkan lagi proses pengeluaran ini.

Yang kedua, gudang-gudang perlu dibina supaya petani-petani dapat menghantar hasil mereka; ketiga, kakitangan LPN haruslah memberi perkhidmatan yang memuaskan; dan keempat, lori-lori perlu diadakan pada masa yang ditentukan untuk menghantar beras ke tempat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa usaha-usaha telahpun dibuat dalam konteks ini. Walau bagaimanapun usaha-usaha perlu diperkemaskan lagi supaya dapat meninggikan lagi kecekapan dalam bidang pertanian khususnya dalam pengeluaran dan pengagihan beras di negara ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana sebuah kompleks mengering padi akan dibuat di Tikam Batu di dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perumahan. Dengan pemansuhan atau pengurangan cukai import ke atas bahan-bahan binaan seperti besi, besi keluli, simen, bumbung, paip simen, kepingan lantai, dinding dan batu mar-mar adalah dijangkakan bahawa kos untuk mendirikan rumah akan berkurangan. Usaha Kerajaan untuk menambah lagi penawaran rumah terutama sekali rumah jenis kos rendah bercorak condominium dan konsep sewaan membuktikan bahawa Kerajaan telah mengambil berat tentang kumpulan berpendapatan rendah. Peruntukan sebanyak \$485 juta adalah wajar untuk membiayai lebih kurang 49,600 unit rumah kos rendah dalam tahun 1982. Oleh kerana Malaysia sedang membangun banyak projek-projek perlu dilaksanakan. Dengan ini negara perlu buruh-buruh yang mahir dalam perusahaan

pembinaan. Sebagai satu langkah untuk menjamin aliran buruh yang mahir skim latihan semasa bekerja harus dikekalkan dan sekiranya boleh mengadakan insentif-insentif baru untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga tidak menetapkan kegiatan binaan oleh sektor-sektor swasta. Sebagai contoh Kerajaan akan melanjutkan tempoh (accelarated depreciation allowance) hingga 1985. Ini bertujuan untuk menggalakkan perindustrian dan memodenkan kegiatan binaan supaya dapat mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi dalam memansuhkan cukai import jentera-jentera dan alat perkakas. Dengan penggunaan alat-alat moden ini saya berharap penawaran rumah dapat ditambah lagi untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat. Pendek kata dalam Belanjawan 1982 Kerajaan telah mewujudkan satu suasana yang sesuai ke arah perindustrian dalam negeri. Apa yang membimbangkan saya adalah kemudahan-kemudahan ini tidak akan sampai kepada pengguna-pengguna. Saya berharap pihak swasta terutama sekali pemaju-pemaju perumahan tidak mengambil kesempatan ini untuk membuat untung yang berlebihan dengan dalih-dalih yang tidak mempunyai asas. Untuk menentukan orang ramai mendapat faedah dari Belanjawan ini saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat anggaran-anggaran sendiri mengenai sesuatu projek perumahan agar harga rumah adalah berdasarkan kepada kos dan keuntungan yang sederhana.

Satu lagi perkara adalah mengenai pinjaman perumahan kepada individu dan pemaju-pemaju perumahan. Saya berpendapat bahawa polisi Bank Negara mengenai pinjaman perumahan kepada individu perlu diteruskan lagi. Tetapi apa yang meragukan saya di sini adalah seseorang itu boleh menyalah gunakan pinjaman tersebut. Sebagai contoh A tidak ada rumah jadi untuk mendapatkan rumah ia menggunakan pinjaman perumahan daripada Bank X. Setelah satu tahun dia menjualkan rumah tersebut dan untuk mengelakkan dari dikenakan cukai harta benda dia membuat jualan di bawah meja (under the counter payment). Dalam urusan ini si A mendapat

keuntungan kemudian ia akan mendapatkan pinjaman perumahan untuk membeli rumah tetapi sekarang dia pergi ke Bank Y pula. Di sini dia membuat deklarasi bahawa dia belum mempunyai rumah. Kemungkinan besar dia akan diberi pinjaman lagi dan menjalankan lagi urusan untuk mencari keuntungan di atas angin.

Saya rasa kegiatan seperti ini adalah tidak sihat dan perlu dibentasi. Satu jalan untuk menghapuskan masalah bayaran di bawah meja adalah meningkatkan lagi penawaran rumah. Di sini saya berharap Bank Negara akan mengadakan polisi-polisi baru supaya pinjaman perumahan disalurkan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta. Di sini juga saya ingin mengingatkan pemaju-pemaju perumahan swasta bahawa mereka tidak harus memegang terlalu lama pinjaman yang telah diberikan. Sekiranya mereka membuat demikian tindakan-tindakan yang perlu akan diambil.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi pembinaan rumah, saya berharap pihak-pihak berkenaan terutama sekali Pejabat Tanah dan juga EXCO-EXCO Negeri melulus projek perumahan dengan lebih cepat. Saya pernah dengar kelulusan projek perumahan mengambil masa lebih dari lima tahun. Ini bermakna projek perumahan hanya akan bermula dalam Rancangan Malaysia yang akan datang. Saya rasa dalam konteks ini adalah wajar kita kurangkan birokrasi dengan menubuhkan satu unit pusat di tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya juga menyokong cadangan Kerajaan untuk mengurangkan eksport ke atas kelapa sawit. Jadi dengan pengecualian cukai ditambah dari \$75 ke \$95 satu tan ini akan menambah pendapatan pengilang minyak kelapa sawit sebanyak \$20 satu tan. Penambahan pendapatan ini adalah wajar memandangkan kenaikan kos memproses. Selain dari itu ia juga dapat memberi satu insentif bagi pengusaha-pengusaha baru menceburkan diri sendiri dalam pengilangan minyak kelapa sawit. Cadangan untuk membahagikan minyak kelapa sawit yang diproses kepada lima bahagian adalah baik. Dengan pembahagian itu bermakna kategori ketiga

dikira dan dikenakan pengecualian cukai yang lebih. Ini bermakna lebih banyak minyak kelapa sawit dapat diekspot. Di antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjual minyak kelapa sawit yang diproses adalah:

Pertama, mengadakan beberapa lagi misi perdagangan untuk meluaskan pasaran. Dulu, pada suatu ketika apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang baru masih di waktu itu Dato' Seri ialah sebagai Timbalan Perdana Menteri beliau telah begitu aktif sekali menjelajah keluar negeri dalam usaha mendapatkan pasaran barang-barang keluaran Malaysia, tetapi sekarang ini misi perdagangan tidak lagi kedengaran. Saya harap agar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pula mengambil tugas ini.

Kedua, saya kira adalah baik jika kita dapat menjual secara terus dan tidak lagi melalui pihak ketiga. Keadaan ini adalah wajar bagi si penjual dan si pembeli kerana selain dari menjimatkan kos tambahan yang dikenakan oleh pihak ketiga ia dapat menjalinkan persefahaman di antara dua buah negara. Dalam menjalankan kegiatan ekspot secara terus, Kerajaan harus mengembangkan sektor-sektor pengangkutan terutama sekali industri perkapalan dan penerbangan.

Dengan jaminan Kerajaan di atas pinjaman US\$190 juta oleh MISC dan US\$85 juta untuk menambahkan tonnage begitu juga jaminan Kerajaan di atas pinjaman US\$240 juta oleh MAS dan US\$225 untuk membeli kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sukalah beralih kepada Kementerian Kesihatan. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkenaan dengan Hospital Daerah Sungai Petani. Pada tahun 1980 saya telah meminta supaya diadakan lif dibina di Wad Bersalin tetapi saya diberitahu yang lif di situ tidak dapat dibuat. Sebaliknya satu bilik bersalin akan diadakan di tingkat atas. Ini bermakna yang pesakit di tingkat atas akan bersalin di atas dan pesakit di tingkat bawah akan

bersalin di bawah. Ini memang lojik, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah bilik di tingkat atas yang diuntukkan bagi bilik bersalin tidak dilengkapi dengan alat-alat bersalin sampai ke hari ini. Ini sudah mengambil masa setahun. Jadi saya rasa patutlah Yang Berhormat Menteri mengambil satu daya usaha supaya di bilik ini dilengkapi dengan alat-alat bersalin. Kerana saya tahu ibu-ibu yang lepas bersalin sangatlah lemah dan uzur dan disuruh juga ibu-ibu ini tadi naik ke atas selepas bersalin. Jadi saya rasa perkara ini tidaklah begitu baik dan saya haraplah supaya alat-alat untuk Wad Bersalin ini disegera dihantar di Hospital Sungai Petani.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi iaitu baru-baru ini ada kejadian mala petaka iaitu di kawasan nelayan di Kuala Sungai Muda. Rumah-rumah di tepi laut telah dipukul ombak sehingga beberapa keluarga kehilangan rumah tangga. Saya telah berusaha berjumpa dengan Pegawai Kebajikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat di tempat saya, tetapi yang mendukacitakan saya pegawai berkenaan telah memberitahu bahawa tidak ada peruntukan untuk bencana hakisan. Bagi pendapat saya hakisan adalah mala petaka dan boleh dikatakan juga bencana alam. Jika sekiranya kebakaran, banjir boleh mendapat bantuan daripada Kementerian Kebajikan Am, saya mencadangkan hakisan juga patut diberi bantuan yang serupa. Sekarang mangsa-mangsa ini masih menumpang di rumah-rumah saudara mereka dan yang lain masih menunggu tempat untuk pindah. Saya harap Kementerian Kebajikan Am akan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Pertahanan dan juga keselamatan dalam negeri. Saya sangat-sangat bersetuju iaitu keselamatan yang bermaksud pertahanan dan keselamatan dalam negeri diperuntukkan dengan satu jumlah yang besar sebanyak \$3,316 juta. Dengan jumlah peruntukan ini dapatlah Kementerian ini membeli alat-alat senjata yang moden dan juga membeli kapal terbang. Sukalah saya mencadangkan kapal terbang Jet Tebuan yang lama-lama itu tidak usahlah digunakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada satu perkara yang sangat penting. Saya sangatlah memandangkan berat kepada kampung-kampung yang tidak mendapat bekalan lampu letrik dan bekalan air paip kerana kita telah merdeka 25 tahun serta juga jalan-jalan kampung yang masih tanah merah walaupun dalam peruntukan tahun lepas ada dijanjikan iaitu jalan tanah merah di kampung-kampung akan ditarkan tetapi sekarang belum ada lagi, mungkin peruntukan itu lewat sampai kepada Pejabat-pejabat Daerah. Walaupun saya dengar telah sampai ini telah datang kepada penghujung tahun. Jadi saya berharaplah peruntukan-peruntukan ini dapat diberi kepada awal-awal tahun.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya suka mencadangkan si sini ialah berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, kerana di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kita semua diberitahu iaitu peruntukan telefon sangat kecil bilangannya, setahun hanya dapat sebuah pondok pada satu daerah. Jadi, saya rasa perkara ini sangat penting kerana kita telah ada banyak rumah-rumah sekarang khususnya rumah-rumah Pegawai Perubatan masih belum dibekalkan dengan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu tegas mengarahkan semua pegawai-pegawai tinggi dan sekalian kakitangan Kerajaan bekerja mengikut jadual yang ditetapkan iaitu datang pada waktu yang ditetapkan, begitu juga bekerja dengan rajin dan dedikasi. Ini adalah amalan yang baik. Dengan ini kita dapat mempercepatkan kerja-kerja pembangunan dan rakyat jelata yang sedang mengharap kepada kejayaan dan kemajuan akan merasa nikmat kemerdekaan. Saya berpendapat ini adalah cara yang sangat baik untuk menjamin sebuah Kerajaan yang stabil, jaya dan makmur, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

6.13 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, sudah lama lima tahun saya dinafikan peluang tanpa sebarang sebab untuk mewakili penduduk-penduduk kawasan-pilihanraya saya di Dewan yang mulia ini. Memandangkan kepada hakikat ini, maka inilah kali pertama saya sempat mengemukakan masalah-masalah sambil membangkitkan pandangan dan hasrat rakyat Malaysia yang berada di kawasan Batu Gajah dan juga di merata-rata tempat negara ini. Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bermurah hati memberikan peluang keemasan ini kepada saya.

Sungguhpun saya dan saudara-saudara seperjuangan saya serta orang ramai dari semua lapisan masyarakat sungguh yakin bahawa saya dan rakan saya, Ahli Kawasan Sg. Besi, pasti akan dibebaskan satu hari kerana kami berdua tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti PKM (Parti Komunis Malaya) dan tidak pula menjadi anasir-anasir subversif. Namun demikian, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas jasa baik mereka kerana membebaskan saya. Saya yakin sekiranya mereka berdua ini tidak memegang teraju Kerajaan, saya dan saudara saya serta Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia, Sdr. Kasim Ahmad, tentu akan terus merengkok di Tempat Tahanan Kamunting, Taiping, dan entahlah berapa lama lagi kami terpaksa menderita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang baru, Dato' Seri Dr Mahathir, dan Timbalannya, Dato' Musa Hitam. Walaupun saya dan parti DAP memang mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza dengan Y.A.B. Perdana Menteri, namun pada pendapat saya, Perdana Menteri baru ini adalah seorang yang bersifat praktikal.

Semenjak menjadi P.M. beliau selalu menegaskan betapa pentingnya dilakukan keadilan sambil melaksanakan beberapa

cadangan bercorak progresif yang dialu-alukan oleh orang ramai seperti memperkenalkan sistem kad perakam masa untuk kakitangan Kerajaan, menghendaki pengisytiharan harta benda oleh Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan lain-lain anggota pentadbirannya. Tidak dapat dinafikan, pelaksanaan sedemikian adalah baik untuk pembangunan negara kita.

Dipandang dari segi falsafah politik, beberapa pandangan yang dipegang oleh Perdana Menteri adalah kurang sihat dan tepat. Demi kepentingan negara dan rakyat jelata, saya menyeru agar beliau dapat mengubah pandangan negatifnya itu kepada yang positif dengan seberapa awal.

Untuk maksud ini, biarlah saya kemukakan suatu contoh. Perdana Menteri baru berkali-kali telah berkata seandainya semua kaum negeri ini sama-sama merasa tidak puas hati terhadap Kerajaan, maka itu berertilah pihak Kerajaan sudah menjalankan pentadbirannya dengan adil dan saksama; dan oleh itu, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar-dasar yang ada sekarang.

Saya tidak berhajat untuk bercakap panjang lebar dan menghuraikan dengan dalam perkara-perkara yang mencipta perasaan tidak puas hati di khalayak rakyat tetapi apa yang perlu ditegaskan di sini ialah mengapakah Perdana Menteri tidak sanggup mengatasi dan menyelesaikan perasaan tidak puas hati tersebut dan sebaliknya membiarkan keadaan tersebut melarat? Ini adalah satu sikap yang negatif.

Memang benar, adalah amat sukar bagi Kerajaan memuaskan semua kaum di Malaysia, tetapi, jangan kita lupa, sesuatu Kerajaan yang bertanggungjawab akan berusaha seboleh-bolehnya untuk mencapai matlamat yang murni ini.

Antara dasar-dasar Kerajaan yang ditentang kuat oleh orang-orang yang mempunyai daya pemikiran yang waras ialah penjenisan rakyat Malaysia kepada bumiputra dan bukan bumiputra. Kerajaan selalu menyatakan keinginannya untuk membentuk

satu masyarakat Malaysia yang bersatu-padu. Akan tetapi, malangnya, Kerajaan sendiri membeza-bezakan rakyat jelata kepada dua jenis yang disebutkan tadi. Mengapa begini? Kerajaan selalu suka mendakwa orang-orang yang dibangkitkan soal perkauman, tetapi sebenarnya siapakah yang memecah-belahkan kaum-kaum negeri ini? DAP adalah sebuah parti politik yang mempunyai matlamat murni untuk membina satu identiti yang bercorak Malaysian melalui lunas-lunas Perlembagaan, dengan cogan-kata "Malaysian Malaysia." Pihak pemerintah hanya mempunyai pandangan yang sempit; ia tidak berminat kepada objektif itu, dan ia lebih suka menjeniskan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Parti Gerakan juga meniru cogan-kata DAP. Namun demikian, nampaknya Parti Gerakan itu sudahpun menyeleweng dari dasar-dasar asal mereka sendiri disebabkan mereka telah menjadi anggota Barisan Nasional dan kini turut menjalankan kerja-kerja memecah-belahkan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini. Perbuatan seperti ini adalah semata-mata untuk maksud memperolehi pangkat yang tinggi dalam Kerajaan.

Memandangkan terdapat penjenisan rakyat Malaysia ke dalam bumiputera, dan bukan bumiputra, tidak hairanlah perasaan perkauman akan terus wujud di negara ini. Kita sedia maklum, Perdana Menteri baru kita memang adalah seorang yang cerdik, tetapi saya ingin bertanya apakah beliau sedar akan situasi ini? Di samping itu, Naib Pengerusi UMNO, Datuk Harun, telah pun mengakui sendiri bahawa beliau cukup menyedari tentang perasaan kaum bukan bumiputera yang digolongkan sebagai warganegara kelas II. Jadi, mengapa pula pembezaan rakyat kita ini tidak dihapuskan sama sekali.

Pada hemat saya, Kerajaan tidak menghapuskan penjenisan bumiputra dan bukan bumiputra kerana kaum Melayu yang digolongkan sebagai kaum bumiputra masih mundur dan mereka ini perlu diberi perhatian utama.

Kami DAP bersetuju bahawa majoriti kaum Melayu sedang menderita dan mundur

dari segi ekonomi, terutama sekali para peladang, nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Kami menyokong supaya kaum Melayu yang miskin itu diberi layanan yang istimewa. Namun demikian, apa yang harus kami menegaskan di sini ialah ada setengah-setengah orang dari kaum Melayu yang sudah menjadi hartawan, dan kebanyakan mereka itu adalah pemimpin-pemimpin UMNO. Marilah kita bertanya kenapakah selepas Merdeka 24 tahun, kebanyakan orang Melayu berada dalam kemiskinan sedangkan sebilangan kecil dari mereka yang menjadi pemimpin-pemimpin UMNO telah diperolehi kekayaan dengan begitu mudah saja? Bukankah ini satu kenyataan sendiri bahawa bumiputeraism tidak mendatangkan manfaat kepada kaum Melayu pada keseluruhannya?

Juga, jangan kita mudah lupa, antara mereka yang dibeza-bezakan sebagai kaum bukan bumiputera, ada juga ramai yang miskin. Selama ini mereka tidak diberi layanan yang wajar, terutamanya orang Cina yang tinggal di kampung-kampung baru dan orang India yang mencari rezeki di ladang-ladang. Lama-kelamaan, pula timbul perasaan syak-wasangka kerana mereka menganggap Kerajaan cuma menjaga kebajikan orang Melayu sahaja sambil mengabaikan mereka, sedangkan pada hakikatnya, Kerajaan hanya mementingkan kebajikan setengah-setengah orang Melayu yang berpengaruh dalam UMNO, manakala ramai masih tinggal di bawah paras kemiskinan. Dengan perkataan lain, bukanlah jelas perasaan syak-wasangka di kalangan rakyat berasal dari penjenisan rakyat kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hati yang ikhlas, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan bahawa selain dari memberi hak istimewa dan perhatian khas kepada orang Melayu yang terdiri dari golongan miskin, adalah wajar layanan yang baik diberi kepada orang-orang bukan Melayu yang terdiri dari golongan miskin.

Sekiranya negara kita mengikuti dasar sosialisma untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara golongan kaya dan miskin, saya percaya cara ini lebih berkesan daripada mengikuti unsur-unsur

perkauman dan dengan mengamalkan prinsip-prinsip sosialisma, maka akan hapuslah segala syak-wasangka yang wujud di antara kaum.

Saya percaya, cadangan yang membina itu tentu akan disambut baik oleh mereka dari golongan tidak berada, baik pun orang Melayu atau orang bukan Melayu. Apa yang menjadi masalah ialah sama ada sebilangan kecil golongan atasan yang berjaya memperolehi kekayaan melalui sistem ekonomi bebas. Kerajaan dapat mengorbankan sedikit untuk mempertinggikan dan memperbaiki taraf ekonomi kaum tidak berada? Ini adalah satu ujian bagi pemimpin-pemimpin UMNO yang seringkali menyatakan keinginan untuk memelihara kebajikan orang-orang Melayu. Saya berharap Perdana Menteri dan Timbalannya dapat memujuk separtinya supaya bekerjasama untuk memberi segala bentuk bantuan kepada mereka yang miskin, bukan sekadar untuk kepentingan orang Melayu sahaja, malah untuk semua rakyat Malaysia pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan yang berat sebelah juga merupakan satu perkara yang tidak adil yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kita sedia maklum, Jabatan Perdana Menteri telah memberi peruntukan sebanyak \$200,000 kepada setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk menjalankan projek-projek kecil pembangunan sementara Ahli-ahli Parlimen Pembangkang tidak diberi satu sen pun untuk berbuat demikian. Kami menentang sekeras-kerasnya pelaksanaan ini yang jelas tidak adil.

Saya pernah menimbulkan perkara ini dalam sidang Parlimen Yang Keempat dahulu. Jawapan dari pihak yang berkenaan ialah disebabkan penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan pilihanraya Pembangkang yang memerlukan peruntukan tersebut mestilah menyokong calon-calon Barisan Nasional sekiranya mereka hendak menikmati pembangunan. Jawapan ini amat menyedihkan, seolah-olah keadilan sudah dicampak ke dalam tong najis.

Namun demikian usaha-usaha yang dibuat oleh Barisan Nasional untuk menjatuhkan parti-parti Pembangkang sia-sia sahaja.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, on a point of Order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa point of Ordernya?

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tadi Ahli Yang Berhormat menyebut perkataan yang tidak sopan, beliau menuduh "menyampakkan dalam tong najis". Perkataan itu saya minta ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ditaruh dalam tong najis? Tak ada lain lagi bawah daripada perkataan "tong najis"? Itu atas sikit!

Tuan Chian Heng Kai: "Tong Sampah" pun bolehlah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Baik, duduk! Yang Berhormat hendak menyambung lagi ucapan?

Tuan Chian Heng Kai: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, boleh sambung besok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 3hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.